

Eksplorasi terhadap Paradigma Penyebaran Islam Para Rasul ‘Ulul Azmi: Analisis dari Perspektif Sejarah Islam
(*Exploring the Paradigms of Islamic Propagation of ‘Ulul Azmi Prophets: An Analysis from Islamic Historical Perspectives*)

Anhar Anshory,* Ramli Awang,** Zulkiflee Haron*** & Ahmad Faizuddin Ramli****

Abstrak

Konsep wahyu umumnya dikaitkan dengan para Nabi yang menjadi perantara untuk menyampaikan perintah Allah kepada umat manusia. Artikel ini mengkaji metode yang digunakan oleh lima Nabi daripada kategori Ulul ‘Azmi, iaitu Nabi Nuh a.s., Nabi Ibrahim a.s., Nabi Musa a.s., Nabi Isa a.s., dan Nabi Muhammad s.a.w., dalam menyebarkan Islam, dengan menumpukan kepada metodologi mereka menyampaikan risalah ketauhidan Islam. Objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti dan menganalisis metodologi yang digunakan oleh para Nabi dalam misi mereka menyebarkan Islam. Metodologi penyelidikan yang digunakan adalah kualitatif dengan menggunakan teknik analisis kandungan. Sumber utama seperti al-Quran dan Hadis, serta karya-karya sarjana Islam, digunakan untuk memahami konteks perbincangan. Hasil kajian ini menemui tiga metodologi utama yang digunakan oleh para nabi, iaitu secara perkataan (*bil lisan*), tindakan (*bil hal*), dan penulisan (*bil kitabah*). Perbezaan pendekatan adalah bergantung dalam konteks keadaan dan kategori masyarakat yang mereka hadapi. Hasil kajian artikel memberikan gambaran keseluruhan metodologi para Nabi dalam penyebaran Islam, merangkumi pelbagai pendekatan dan strategi dalam menyampaikan seruan Ilahi.

Kata kunci: Ulul ‘azmi, nabi, rasul, penyebaran Islam, tauhid, metode

Abstract

The concept of revelation is commonly associated with reveal prophets, who serve as conduits for delivering God's messages to mankind. This article explores the methodology employed by five prominent prophets of Ulul ‘Azmi – prophet Noah a.s., prophet Abraham a.s., prophet Moses a.s., prophet Jesus a.s. and prophet Mohammad s.a.w., in propagating Islam – with a particular focus on their method to delivering the Islamic monotheism (tawhid) message. The objective of this study is to identify and analyze the methodologies utilized by these prophets in their mission to propagate Islam. The research methodology employed is qualitative in nature, utilizing content analysis techniques. Primary sources, such as the Quran and Hadith, along with the works of Islamic scholars, are referenced to gain insights into the methodologies adopted by the prophets. The findings of this study reveal three key methods employed by the prophets, namely, oral, action, and writing. These approaches are thoroughly examined and analyzed within the context of their respective prophets and their specific circumstances. Ultimately, the article concludes by providing an overview of the identified methodologies and their significance in the propagation of Islam, shedding light on the diverse approaches and strategies utilized by the prophets to convey the message of Islamic monotheism.

Keywords: Ulul ‘azmi, prophet, messenger, Islamic propagation, monotheism, method

Pengenalan

Penyebaran Islam merupakan sebahagian daripada tujuan dakwah. Lazimnya penyebaran Islam dilakukan menerusi tiga metode, iaitu secara lisan (*bi al-lisan*), secara perbuatan (*bi al-hal*), dan secara

* Anhar Anshory (PhD), Lecturer, Faculty of Islamic Religion, University Ahmad Dahlan, 55166 Yogyakarta, Indonesia. Email: anharanshori52@gmail.com.

** Ramli Awang (PhD), former Professor, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia. Email: ramly@utm.my.

*** Zulkiflee Haron (PhD), Fellow, Civilization and Islamic Therapy, Centre for Research in Fiqh Science and Technology (CFIRST) & Ibnu Sina Institute for Scientific & Industrial Research, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia. Email: zulkiflee@utm.my.

**** Ahmad Faizuddin Ramli (corresponding author), Lecturer, Department of Malaysian Studies, Faculty of Human Sciences, Sultan Idris Education University, 35900, Tanjong Malim, Perak & Remote Part-Time Research Fellow, Department of Abrahamic Religions University of Religions and Denominations, 37100, Qom, Iran. Email: faizuddin@fsk.upsi.edu.my.

penulisan (*bi al-kitabah*).¹ Ini bermakna, dakwah menjadi tugas utama untuk penerapan nilai-nilai Islam dalam masyarakat selari dengan keuniversalan misi *nubuwwah* yang bersifat *rahmatan lil 'alamin*, iaitu rahmat bagi sekalian alam. Maka prinsip utama dalam dakwah tauhid yang mengajak umat menyembah Allah dan mencegah daripada kemungkaran.² Kesemua para Nabi dan Rasul membawa risalah Islam.³ Maka atas dasar besarnya tanggungjawab ini, Allah SWT telah mengutuskan insan-insan yang terpilih dalam kalangan para Nabi dan Rasul, daripada Nabi Adam a.s. sehingga Nabi Muhammad s.a.w bagi melaksanakan tugas yang mulia ini. Para Nabi dan Rasul melaksanakannya dengan penuh komited sehingga mencapai kejayaan sama ada di dunia dan di akhirat, meskipun pada masa sama berhadapan dengan cabaran daripada kaumnya.⁴

Dalam konteks dunia masa kini yang menyaksikan kepesatan sains dan teknologi, meskipun wujudnya ruang dan peluang untuk pelaksanaan dakwah dengan lebih meluas, cabaran yang dihadapi juga besar. Umpamanya hari ini kita menyaksikan kewujudan teknologi Kecerdasan Buatan⁵ (*Artificial Intelligence*), kesemua maklumat berada diujung jari untuk dicapai pada bila-bila masa. Kandungan dakwah dengan mudah boleh dibangunkan menggunakan aplikasi ChatGPT⁶ kemudian didokumentasikan dalam bentuk video, gambar, infografik, nota suara, seterusnya dimuatnaik dalam sosial media untuk dikongsikan kepada seluruh warganet. Pada masa sama, kandungan-kandungan yang bersifat maksiat lebih mendominasi sekali gus menarik perhatian lebih ramai manusia yang lemah imannya.

Hal ini tidak termasuk bercambahnya pemikiran yang menyeleweng daripada syariat Islam seperti ateisme,⁷ liberalisme, dan LGBTQ+ yang bertunjang kepada falsafah sekularisme Barat.⁸ Demikian juga dengan munculnya fenomena Islamofobia di Barat⁹ yang melabelkan umat Islam sebagai pengganas¹⁰ berjustifikasikan kepada tindakan ekstremisme dalam kalangan Muslim.¹¹ Persoalannya, sejauh manakah berhasilnya pendekatan yang digunakan dalam mencapai tujuan dakwah menerusi medium yang digunakan dan apakah metode yang digunakan selari dengan ajaran para Nabi dan Rasul secara asasnya? Justeru menurut Muhammad Al-Ghazali, penguasaan pendekatan dalam dakwah, bukan sekadar perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam dalam al-Quran dan Sunnah Nabi, tetapi juga perlu memahami kaedah berinteraksi dengan manusia.¹² Hal ini kerana, metode para Nabi dan Rasul adalah yang terbaik dalam membimbing para pendakwah untuk menyebarkan agama Islam, lebih-lebih dalam kalangan Rasul yang diberi julukan Ulul 'Azmi, yang telah teruji dengan pelbagai cabaran yang besar dan berjaya menempuhnya.

Misalnya Nabi Nuh a.s. berhadapan dengan kaumnya yang tidak mahu beriman meskipun hampir seribu tahun dakwah dilaksanakan ke atas mereka. Bahkan dalam kalangan ahli keluarga Baginda turut menentang dakwah tersebut sehinggalah mereka yang kufur itu ditenggelamkan Allah SWT dalam bah yang besar. Nabi Musa a.s. pula berhadapan dengan ujian getirnya semenjak bayi sehingga dewasa. Nabi Musa a.s. bukan sahaja berhadapan dengan kaumnya yang degil, bahkan firaun yang kejam. Nabi Ibrahim a.s. dengan kisahnya berhadapan dengan kaumnya serta Raja Namruz yang tidak mahu beriman, sehinggalah baginda cuba untuk dibakar. Bukan sekadar itu, Nabi Ibrahim diuji terpisah

¹ H. Abdullah (2015), *Ilmu Dakwah Kajian Ontologi, Epistemologi, Aksiologi dan Aplikasi Dakwah*, Bandung: Citapustaka Media, h. 3.

² Faisal Mahmoud Adam Ibrahim (2020), "God's Words of Risalah and Nubuwwah in the Quran: A Thematic Study," *ULUL ALBAB: Jurnal Studi Islam*, Jil. 21, Bil. 2, h. 373.

³ Imam Ibnu Hajar (2014), "Sejarah Agama dalam al-Qur'an; Dari Sederhana Menuju Sempurna," *Tsaqafah*, Jil. 10, Bil. 2, h. 409.

⁴ Aemy Elyani Mat Zain et al. (2023). "Revert Daie: Lived Experiences of Indian Preachers in Malaysia," *International Journal of Islamic Thought*, Jil. 23, h. 12.

⁵ Kecerdasan Buatan (AI) ialah kecerdasan—mempersepsi, mensintesis dan membuat kesimpulan maklumat—yang ditunjukkan oleh mesin, seperti mana kecerdasan yang ditunjukkan oleh manusia atau haiwan. B. J. Copeland (2023), "Artificial Intelligence," *Encyclopedia Britannica*, dicapai 21 Jun 2023, <https://www.britannica.com/technology/artificial-intelligence>.

⁶ ChatGPT ialah *chatbot* Kecerdasan Buatan yang dibangunkan oleh OpenAI dan dilancarkan pada 30 November 2022. Ia terkenal kerana membolehkan pengguna memperhalusi dan mengarahkan perbualan yang panjang, melibatkan format, gaya, tahap perincian dan bahasa yang diinginkan. Manakala kandungannya merangkumi pelbagai domain dan disiplin ilmu. The Guardian (2022), "ChatGPT," *The Guardian*, dicapai 27 Jun 2023, <https://www.theguardian.com/technology/2022/dec/05/what-is-ai-chatbot-phenomenon-chatgpt-and-could-it-replace-humans>.

⁷ Ahmad F. Ramli et al. (2022), "Understanding the Atheism Phenomenon through the Lived Experiences of Muslims: An Overview of Malaysian Atheists," *HTS Teologiese Studies / Theological Studies*, Jil. 78, Bil. 1, h. 1-8.

⁸ Jaffary Awang, Ahmad Faizuddin Ramli dan Zaizul Ab Rahman (2022), "Refleksi al-Ghazali dalam Dialog antara Agama," *Islamiyyat the International Journal of Islamic Studies*, Jil. 44 (isu istimewa), h. 100.

⁹ Ahmad Faizuddin Ramli, Jaffary Awang dan Zaizul Ab Rahman (2020), "Identifying Islamophobia in Malaysian Buddhist Context," *Al-Itqan: Journal of Islamic Sciences and Comparative Studies*, Jil. 5, Bil. 2, h. 86.

¹⁰ Jaffary Awang, Ahmad Faizuddin Ramli dan Zaizul Ab Rahman (2022), "Muslim and Buddhist Encounters: Between Conflict and Harmony," *Islamiyyat the International Journal of Islamic Studies*, Jil. 44, Bil. 1, h. 132.

¹¹ Mohd Faizal Abdul Khir (2017), "Mendepani Ekstremisme: Pengajaran daripada Sejarah Kemunculan Khawarij," *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 12, Bil. 2, h. 116.

¹² Muhammad Al-Ghazali (2000), *A Thematic Commentary on the Qur'an*, Herndon: The International Institute of Islamic Thought, h. 291.

dengan ahli keluarganya demi melaksanakan perintah Allah SWT, manakala apabila disatukan, Baginda diperintah untuk menyembelih anaknya, Nabi Ismail a.s. Demikian juga Nabi Isa a.s. yang berhadapan dengan kaumnya yang ingkar sehingga berkomplot untuk membunuh baginda. Dan ujian yang tertinggi adalah Nabi Muhammad s.a.w., yang diuji segenap dalaman dan luarannya, menghadapi kezaliman kaumnya serta kehilangan ahli keluarga yang dicintai.

Rasul-rasul Ulul 'Azmi yang terdiri daripada lima Rasul, iaitu Nabi Nuh a.s., Nabi Ibrahim a.s., Nabi Musa a.s., Nabi Isa a.s., dan Nabi Muhammad s.a.w., berjaya membuktikan metode dakwah yang mereka gunakan kepada kaum mereka. Maka di sinilah pentingnya untuk mengenal pasti dan menganalisis metode dakwah para nabi dalam misi mereka menyebarkan Islam. Melalui pemahaman yang mendalam terhadap metode yang digunakan oleh para Rasul Ulul 'Azmi ini, para pendakwah akan beroleh manfaat yang besar untuk menyebarkan Islam secara lebih efektif. Lantaran para Rasul merupakan pendakwah yang unggul, maka metode dakwah mereka perlu diketahui sebagai petunjuk dan pengajaran bagi para pendakwah dalam melaksanakan tanggungjawab tersebut dengan penuh kemuliaan. Allah berfirman: "Dan tidak ada yang lebih baik perkataannya daripada orang yang menyeru kepada (mengesakan dan mematuhi perintah) Allah, serta ia sendiri mengerjakan amal yang salih, sambil berkata: Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang Islam (yang berserah bulat-buat kepada Allah)!"¹³

Pandangan Tokoh-Tokoh terhadap Penyebaran Islam

Penyebaran risalah tauhid melalui Dakwah Islamiah dan kegiatannya tidak terpisah dari metode yang pelbagai. Perkataan dakwah secara etimologinya berasal daripada bahasa Arab menerusi frasa *da'ā – yad'ūw – da'watan* – yang bermakna menyeru, memanggil, mengajak dan melayani. Selain itu, ia bermaksud mengundang, menuntun dan menghasut.¹⁴ Menurut Husin bin Unang, dakwah mengandungi lima maksud: (i) dakwaan, (ii) doa, (iii) jemputan - seperti jemputan kenduri, (iv) dakwah, dan (v) panggilan.¹⁵ Menurut Profesor H. Abdullah,¹⁶ perkataan dakwah (دعوة) disebutkan sebanyak lima kali dalam al-Quran dalam firmannya:

Dan apabila hamba-hamba-Ku bertanya kepadamu mengenai Aku maka (beritahu kepada mereka): sesungguhnya Aku (Allah) sentiasa hampir (kepada mereka); Aku perkenankan permohonan orang yang berdoa apabila ia berdoa kepada-Ku. Maka hendaklah mereka menyahut seruanKu (dengan mematuhi perintah-Ku), dan hendaklah mereka beriman kepada-Ku supaya mereka menjadi baik serta betul.¹⁷

Allah berfirman: Sesungguhnya telah dikabulkan doa kamu berdua; oleh itu hendaklah kamu tetap (menjalankan perintah-Ku seterusnya), dan janganlah kamu menurut jalan orang-orang yang tidak mengetahui (peraturan janji-Ku).¹⁸

Kuasa menerima ibadat yang benar adalah tertentu bagi Allah; dan benda-benda yang mereka sembah yang lain dari Allah, tidak akan dapat menyahut atau memberikan sesuatu pun kepada mereka, hanyalah seperti orang yang membentangkan kedua tapak tangannya kepada air supaya sampai ke mulutnya, padahal air itu sudah tentu tidak akan sampai kepadanya. Dan tiadalah ibadat dan doa permohonan orang-orang kafir itu melainkan dalam kesesatan.¹⁹

Dan berilah amaran (wahai Muhammad) kepada manusia yang ingkar itu jangan mereka lupakan hari kiamat yang padanya mereka akan didatangi azab, kerana pada saat itu, orang-orang yang berlaku zalim akan merayu dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, (kembalikanlah kami ke dunia dan) berilah tempoh kepada kami hingga ke suatu masa

¹³ Q.S. Fuṣṣilat (41:33).

¹⁴ Abi Naṣr Isma'īl bin Ḥammad al-Juhariyy (2009), *al-Ṣiḥah Taj al-Lughah wa Ṣiḥah al-'Arabiyah*, Muhammad Muhammad Tamir et al. (ed.), Kaherah: Dar al-Ḥadīth, h. 373; Muhammad 'Abd Ra'uf al-Marbawi (2008), *Qamus Idris al-Marbawi*, 2 juzuk, Kuala Lumpur: Penerbit Darul Fikir, h. 203; H. Abdullah (2015), *Ilmu Dakwah*, h. 3.

¹⁵ Husin bin Unang (2010), *Qamus al-Ṭullab*, Kuala Lumpur: Darul Fikir, h. 493.

¹⁶ H. Abdullah (2015), *Ilmu Dakwah*, h.7.

¹⁷ Q.S. Al-Baqarah (2:186).

¹⁸ Q.S. Yunus (10:89).

¹⁹ Q.S. Ar-Ra'd (13:14).

yang dekat, supaya kami menyahut seruan-Mu (untuk mengesakan-Mu dan mentaati perintah-Mu), dan supaya kami menurut agama yang disampaikan oleh Rasul-rasul itu”. Dan (rayuan mereka akan ditolak dengan dikatakan kepada mereka): “Tidakkah kamu telah diberikan tempoh untuk berbuat demikian, dan bukankah kamu telah bersumpah (semasa kamu dalam dunia) dahulu, bahawa keadaan kamu tidak akan mengalami sebarang perubahan?”²⁰

Dan di antara tanda-tanda yang membuktikan keluasan ilmu-Nya dan kekuasaan-Nya, ialah terdinya langit dan bumi (dalam keadaan yang menakjubkan itu) dengan perintah dan penentuan takdir-Nya; akhirnya apabila Ia menyeru kamu dengan satu seruan (supaya kamu bangkit hidup semula) dari bumi, kamu dengan serta merta keluar (dari kubur masing-masing).²¹

Daripada kelima-lima ayat tersebut, dua daripadanya iaitu, iaitu pada Surah al-Baqarah (2:186) dan Surah Yunus (10:89) bermaksud doa; manakala tiga yang selebihnya adalah bermaksud dakwah, iaitu pada Surah Ar-Ra'd (13:14), Surah Ibrahim (14:44) yang bermakna seruan, manakala pada Surah al-Rum (30:25) bermakna panggilan.²² Manakala secara terminologinya, dakwah dirumuskan kepada beberapa makna oleh ramai sarjana Islam, berasaskan daripada pemahaman mereka terhadap konsep yang digunakan dalam al-Quran dan Hadis, seperti berikut:

Muhammad al-Ghazali (1917–1996) mendefinisikan dakwah sebagai satu program lengkap merangkumi segala ilmu pengetahuan yang diperlukan oleh manusia dalam menjelaskan tujuan dan matlamat hidup seseorang ke arah menyingkap petunjuk jalan yang menjadi pedoman kepada manusia.²³

Syeikh Ali Mahfuz (m.1942) mendefinisikan dakwah sebagai perbuatan mendorong (memotivasi) manusia untuk melakukan kebaikan dan mengikuti petunjuk dan menyuruh mereka berbuat makruf dan mencegah dari perbuatan mungkar agar mereka memperoleh kebahagiaan dunia dan akhirat.²⁴

A. Hasjmy (1914-1998) mendefinisikan dakwah Islamiah sebagai perbuatan mengajak orang lain untuk meyakini dan mengamalkan akidah dan syariat Islam yang terlebih dahulu telah diyakini dan diamalkan oleh pendakwah itu sendiri.²⁵

M. Arifin mendefinisikan dakwah sebagai suatu perbuatan menyeru baik dalam bentuk lisan, tulisan, tingkah laku dan sebagainya yang dilakukan secara sedar dan berstrategi dalam usaha mempengaruhi orang lain baik secara individual mahu pun secara berkumpulan agar supaya timbul dalam dirinya suatu pengertian, kesedaran, sikap penghayatan serta pengamalan, terhadap ajaran agama sebagai risalah yang disampaikan kepadanya tanpa ada unsur-unsur paksaan.²⁶

Abdul Munir Mulkan (1946) mendefinisikan dakwah adalah mengubah umat dari suatu situasi kepada situasi lain yang lebih baik dalam segala segi kehidupan dengan tujuan merealisasikan ajaran Islam di dalam kenyataan hidup sehari-hari, baik bagi kehidupan seorang peribadi, kehidupan keluarga mahu pun masyarakat sebagai suatu keseluruhan kehidupan bersama.²⁷

Ismail al-Faruqi (1921-1986) menyatakan bahawa dakwah merupakan jemputan yang tujuannya boleh dipenuhi hanya dengan persetujuan secara sukarela pihak yang diseru. Dakwah tidak berlaku dengan paksaan.²⁸

²⁰ Q.S. Ibrahim (14: 44).

²¹ Q.S. Ar-Rum (30:25).

²² H. Abdullah (2015), *Ilmu Dakwah*, h.7.

²³ Roshimah Shamsuddin, Mohd Siroj Abdul Lathiff dan Mohd Tajuddin Ismail (2017), “Uslub Dakwah Nabi S.A.W terhadap Wanita Bukan Islam,” *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 12, No. 1, h. 3.

²⁴ Ali Mahfuz (1952), *Hidayat al-Mursyidin*, Kaherah: Dar al-Kitabah, h. 17.

²⁵ A. Hasjmy (1974), *Dustur Dakwah Menurut Al-Qur'an*, Jakarta: Bulan Bintang, h. 18. Lihat juga kepentingan akidah dalam masyarakat kini dalam Hamat, M. F. (2002), “Peranan akidah dalam perancangan pembangunan ummah: satu analisis dalam konteks masyarakat kini,” *Jurnal Usuluddin*, Vol 16, 13-34.

²⁶ M. Arifin (1991), *Psikologi Dakwah: Suatu Pengantar Studi*, Jakarta: Bumi Aksara, h. 6.

²⁷ Abdul Munir Mulkan (1993), *Paradigma Intelektual Muslim*, Yogyakarta: Sipsess, h. 100.

²⁸ Ismail Raji al-Faruqi (1982), “On the Nature of Islamic Da'wah,” dalam A. M. Barwani, Khurshid Ahmad dan David J. Kerr (ed.), *Christian Mission and Islamic Da'wah*, Leicester: The Islamic Foundation, h. 33.

Ataullah Siddiqui (1954-2020) mendefinisikan dakwah sebagai suatu 'komunikasi' dan 'jemputan' kepada Islam untuk pembinaan hubungan yang baik dan persefahaman, dan bukan mengenai paksaan pertukaran agama.²⁹

Definisi tersebut memberikan pemahaman yang luas tentang pengertian, unsur, bentuk dan cakupan dakwah. Hal itu dapat ditegaskan sebagai berikut. *Pertama*, dakwah tidak sama atau sama dengan tabligh, ceramah dan khutbah. Akan tetapi mencakup komunikasi dakwah - dengan nasihat agama - melalui lisan (*bil lisan*), tulisan (*bil kitabah*) dan dengan perbuatan, keteladanan dan tindakan sosial (*bil hal*). *Kedua*, pelaksanaan dakwah melibatkan dua pihak, iaitu pendakwah dan sasaran dakwah. Selain itu, tujuan dakwah yang digariskan al-Quran dan Sunnah adalah untuk kebahagiaan manusia di dunia mahu pun di akhirat. *Ketiga*, sasaran dakwah meliputi individu, keluarga dan masyarakat. Berdasarkan huraian ini menunjukkan, pelaksanaan dakwah merangkumi dakwah bersifat fardiyah, kegiatan dan penyebaran Islam atau komunikasi mengenai Islam secara luas. *Keempat*, secara implisit, definisi di atas juga mengisyaratkan bahawa dakwah harus dirancang dan diuruskan dengan baik. Hal ini kerana, proses dakwah akan sentiasa berterusan dan tidak pernah berakhir, justeru ia perlu dilakukan secara bersama-sama. Secara holistik harus dipahami bahawa dakwah merupakan kesinambungan daripada tugas kenabian, yang menuntut setiap peribadi Muslim untuk melaksanakannya. Tugas ini termasuk persoalan penting dalam Islam, sebagai upaya agar umat manusia kembali ke jalan Allah (sistem Islam) secara menyeluruh.

Kisah-kisah Sejarah dalam al-Quran berkaitan Penyebaran Islam

Al-Quran adalah kitab suci yang diwahyukan Allah SWT kepada Nabi Muhammad s.a.w, sebagai undang-undang Rabbani yang bersifat qath'i, universal, sebagai petunjuk bagi alam semesta. Di dalamnya berisi hukum-hukum, peraturan dan pedoman hidup, kisah-kisah sejarah masa lalu dan berita masa akan datang. Semua ajaran dan maklumat yang disajikan di dalam al-Quran tersebut terjamin kebenarannya, sebab ia merupakan wahyu dari Allah SWT yang disampaikan melalui Rasul-Nya Muhammad s.a.w. Salah satu aspek utama kandungan al-Quran adalah tentang kisah masa lalu, sebagai satu bentuk metode dakwah kepada manusia. Di antara kisah-kisah yang terdapat di dalam al-Quran adalah kisah para Nabi dan Rasul.³⁰ Mereka adalah manusia terpilih yang ditentukan oleh Allah SWT dan dijadikan-Nya sebagai penyeru dan pembimbing manusia agar tunduk dan patuh kepada-Nya.

Al-Quran juga merekodkan kepelbagaian metode dakwah para Rasul yang bertindak sebagai pendakwah ke jalan Allah. Pengisahan al-Quran terhadap metode dakwah para Rasul sama ada dalam pendekatan penceritaan, dialog, apologetik, perbandingan teologi, rasional, peringatan, dan amaran. Kisah-kisah sejarah dalam al-Quran mempunyai objektif dan matlamat yang tertentu, antara lain berfungsi sebagai hala tuju dakwah Islam di samping memberi sokongan moral yang besar kepada Nabi s.a.w. dalam menjalankan tugasnya. Diriwayatkan oleh Hakim dari Saad bin Abi Waqqas sehubungan dengan ayat: "Kami ceritakan kepadamu (wahai Muhammad) seindah-indah kisah dengan jalan Kami wahyukan kepadamu Al-Quran ini, padahal sebenarnya engkau sebelum datangnya wahyu itu, adalah dari orang-orang yang tidak pernah menyedari akan halnya."

Ia berkata: "al-Quran diturunkan kepada Nabi s.a.w., lalu membacanya kepada orang-orang, lalu mereka berkata: "Wahai Rasulallah, bagaimana kalau tuan bercerita kepada kami?" Maka turunlah ayat al-Quran, Surah Yusuf, (12:3) yang menegaskan bahawa dalam al-Quran sudah terdapat kisah-kisah dan tauladan yang paling baik bagi kaum muslimin." Imam al-Suyuti dalam Asbabun Nuzul ayat al-Quran menyebut dari Ibnu Jarir yang meriwayatkan dari Ibnu 'Abbas bahawasanya mereka mengatakan: "Wahai Rasulallah, bagaimana jikalau engkau bercerita kepada kami?" Maka turunlah firman Allah dalam al-Quran pada Surah Yusuf (12:3).

Justeru, para Rasul yang telah melaksanakan tugas dakwah seperti mana yang disebut dalam al-Quran bertindak atas bimbingan Allah. Mereka menggunakan berbagai metode dalam rangka menyeru kaum masing-masing agar beriman dengan Allah. Mereka memiliki keteguhan hati dan kesabaran yang tinggi serta kebijaksanaan luar biasa dalam menghadapi berbagai bentuk cabaran berupa hinaan, tuduhan palsu, ejekan, caci makian, dan berbagai bentuk kesulitan lain yang mereka hadapi. Menurut M. Abduh

²⁹ Ataullah Siddiqui (1997), *Christian - Muslim Dialogue in the Twentieth Century*, London: Macmillan Press LTD., h. 57.

³⁰ M. Abduh Amrie (2012), "Meneladani Kesabaran dan Ketabahan Rasul Ulul 'Azmi dalam Berdakwah: Studi Kisah-Kisah dalam Al-Qur'an," *Jurnal Ilmu Dakwah*, Jil. 11, Bil. 22, h. 97-117.

Amrie,³¹ pada tujuan dakwah yang disampaikan oleh para Nabi dan Rasul itu terbahagi pada dua hal utama, iaitu: dakwah kepada umat manusia untuk beribadah hanya kepada Allah SWT sebagaimana yang telah ditentukan oleh syarak; dakwah kepada umat manusia untuk meninggalkan penyembahan kepada selain Allah SWT atau meninggalkan segala pelanggaran syariat Allah SWT.

Maka, penceritaan al-Quran mengenai para Nabi dan Rasul dilihat dalam konteks peranan mereka sebagai pendakwah yang mengajak kaum mereka ke jalan Allah SWT menerusi metode yang tertentu dan pelbagai. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kepada tiga metode para Rasul dalam penyebaran Islam, iaitu secara lisan (*bil lisan*), secara perbuatan (*bil hal*), dan secara penulisan (*bi al-kitabah*). Dakwah secara lisan (*bil lisan*) merupakan metode yang terawal digunakan, seawal kewujudan manusia. Ketika Nabi Adam mengajak anaknya Qabil dan Habil untuk mentaati perintah Allah SWT, maka Nabi Adam telah berdakwah secara lisan. Pada sisi lain dakwah secara lisan (*bi al-lisan*) lebih sesuai untuk menerangkan prinsip-prinsip dalam ajaran Islam. Hal ini dapat memberikan kesempatan kepada sasaran dakwah untuk bertanya atau meminta penjelasan tentang hal-hal yang belum jelas.

Manakala dakwah secara perbuatan (*bil hal*) atau dakwah dengan keadaan, hampir semakna dengan istilah *lisanul hal* dan *lisanul uswah*. Mohammad Natsir (1908-1993) menggunakan secara bergantian istilah *lisanul hal* dan *lisanul uswah* sebagai pengganti istilah dakwah *bil hal*. *Lisanul uswah* menurut Natsir adalah 'bahasa contoh' perbuatan yang nyata.³² Ketika Nabi Muhammad s.a.w. berhijrah ke Madinah dan mendirikan masjid Quba dan Masjid Nabawi serta membuat parit pertahanan pada perang Ahzab, ia merupakan bentuk dakwah *lisanul uswah*. Menurut M. Syafa'at Habib, metode *uswatun hasanah* adalah penonjolan teladan, tanpa banyak bercakap dan menulis.³³ Ini berbeza dengan dakwah *lisanul hal* lebih menonjolkan pada ketinggian akhlak atau budi pekerti.

Selari dengan makna dakwah *bil hal* ini, Sayyid Muhammad Nuh, menyifatkan metode dakwah mencakupi seluruh perbuatan seorang Muslim, kerana dengan kemampuan yang ada pada dirinya, dakwah dapat diterjemahkan menerusi setiap amal perbuatannya. Hal demikian memberi maksud sekiranya seseorang itu merupakan pedagang, maka ia menjadi pedagang yang jujur dan berakhlak mulia. Andainya seseorang itu merupakan seorang guru, maka dia melaksanakan tugasnya dengan penuh berdisiplin dan jujur dalam tugasnya. Selain daripada itu, akhlaknya pula boleh menjadi contoh bagi murid-muridnya; sekiranya seseorang itu merupakan petani, maka dia harus menjadi petani yang rajin bekerja dalam memelihara pertaniannya dengan baik, mengairi tanaman dengan teratur, dan berusaha menghindari tanamannya dari dihinggapai penyakit. Hal demikian ini boleh menjadi metode dakwah kerana memberi contoh bagaimana cara menyayangi dan memelihara tanaman.³⁴ Ini menunjukkan dakwah *bil hal* lebih menekankan pada pengamalan ajaran Islam dalam kehidupan peribadi, keluarga dan masyarakat serta membantu pengembangan masyarakat muslim sesuai dengan dasar ajaran Islam yang bersumber dari al-Quran dan Hadis.³⁵

Adapun metode dakwah secara penulisan (*bi al-kitabah*), asasnya dilakukan dengan menterjemahkan mesej dakwah tersebut dalam bentuk penulisan. Penulisan ini boleh dilakukan menerusi pelbagai pendekatan, baik dalam penceritaan, motivasi, peringatan, dan seumpamanya yang bertujuan untuk mengajak manusia kepada ajaran Islam serta meninggalkan kemungkaran. Dalam konteks dunia masa kini, metode dakwah secara penulisan telah berkembang untuk mencakupi berbagai metode dan media yang ada, seperti melalui tulisan, pidato, media sosial, dan kegiatan sosial. Apa yang penting, prinsip-prinsip dalam dakwah perlu dipasakkan daripada sumber wahyu yang menerapkan pengetahuan yang benar, akhlak yang baik, hikmah, teladan yang baik, dan kasih sayang, melibatkan hubungan manusia dengan Tuhan, manusia dengan manusia, dan manusia dengan alam. Baik dakwah secara lisan, tindakan dan tulisan, kesemuanya bertujuan untuk memperkenalkan Islam kepada umat agar mereka dapat memahami Islam secara holistik dan menerapkan segala aspek kehidupannya secara Islam.

³¹ M. Abduh (2012), "Meneladani Kesabaran dan Ketabahan Rasul Ulul 'Azmi dalam Berdakwah," h. 97-117.

³² H. Abdullah (2015), *Ilmu Dakwah*, h. 34.

³³ M. Syafa'at Habib (1982), *Pedoman Da'wah*, Jakarta: Penerbit Wijaya, h. 160.

³⁴ Sayyid Muhammad Nuh (2000), *Da'wah Fardiyah*, Solo: Era Intermedia, h. 26.

³⁵ H. Abdullah (2015), *Ilmu Dakwah*, h. 36.

Konsep Rasul Ulul 'Azmi

Setiap Rasul ini memainkan peranan penting dalam membimbing komuniti mereka masing-masing untuk menyembah Allah yang Esa dan mematuhi perilaku yang benar. Mereka menghadapi pelbagai cabaran, termasuk tentangan, ketidakpercayaan, dan perlawanan dari kaum mereka. Walaupun menghadapi halangan-halangan ini, mereka menunjukkan kesabaran, keberanian, dan ketabahan yang besar dalam menyampaikan pesan tauhid dan mengajak orang untuk tunduk kepada kehendak Allah. Dalam kalangan para Nabi yang diutuskan Allah, ada yang dinyatakan secara jelas dalam al-Quran nama dan kisahnya, dan ada yang tidak dinyatakan.³⁶ Manakala dalam kalangan Nabi, ada yang diangkat martabatnya menjadi Rasul dan yang nama-namanya disebut dalam al-Quran adalah seramai 25 orang.

Daripada jumlah tersebut, ada pula Rasul yang digelar Ulul 'Azmi, iaitu para Rasul yang memiliki keistimewaan tersendiri dalam memberi contoh pelaksanaan metode dakwah. Muhammad Jawad Mughniyyah menyebut: "Diketahui bahawa para Nabi Ulul 'Azmi ada lima, Nabi Nuh a.s., Nabi Ibrahim a.s., Nabi Musa a.s., Nabi Isa a.s., dan Nabi Muhammad s.a.w."³⁷ Ditujukan gelaran demikian lantaran setiap seorang daripada mereka ada syariat yang diamalkan secara berterusan sehingga kepada syariat berikutnya. Syariat terdahulu itu dinasakhkan dengan kedatangan Nabi terakhir dengan syariat yang berterusan lagi tidak terputus dengan masanya. Para Nabi tersebut memiliki kecekalan dan keteguhan hati serta kesabaran yang luar biasa ketika berdakwah pada jalan Allah.³⁸ Hal demikian dapat dihujahkan dengan firman Allah Ta'ala kepada Nabi Muhammad s.a.w. supaya bersabar sebagaimana kesabaran Rasul Ulul 'Azmi sebelumnya:

Jika demikian akibat orang-orang kafir yang menentangmu wahai Muhammad) maka bersabarlah engkau sebagaimana sabarnya Rasul-rasul Ulul-Azmi (yang mempunyai keazaman dan ketabahan hati) dari kalangan Rasul-rasul (yang terdahulu daripadamu); dan janganlah engkau meminta disegerakan azab untuk mereka (yang menentangmu itu)...³⁹

Maka, konsep Rasul Ulul 'Azmi dalam al-Quran menunjukkan akan kedudukan istimewa dan tinggi atas besarnya peranan dan perintah yang dipertanggungjawabkan ke atas mereka dalam misi mengajak masyarakat menyembah Tuhan yang Esa. Nabi-nabi Ulul 'Azmi sering disebut sebagai "Nabi-Nabi yang Berazam" atau "Nabi-Nabi yang Berketetapan Hati" kerana komitmen dan ketabahan mereka yang tidak goyah dalam melaksanakan tanggungjawab kerasulan mereka. Mereka dianggap sebagai tokoh-tokoh teladan dalam sejarah Islam, menjadi mercu tanda iman, kebenaran, dan kepemimpinan.

Rasul Ulul 'Azmi dihormati kerana kesan mendalam mereka terhadap perjalanan sejarah manusia dan peranan penting mereka dalam membentuk agama-agama Ibrahimi. Ajaran-ajaran dan wahyu-wahyu mereka merupakan sebahagian penting dalam kitab-kitab suci dalam Islam, seperti al-Quran dan Hadis, yang memberikan wawasan tentang kehidupan mereka, ajaran-ajaran mereka, dan cabaran yang mereka hadapi. Dalam perspektif Islam, Rasul Ulul 'Azmi dianggap sebagai komponen penting dalam garis keturunan kenabian, di mana setiap nabi membangun atas ajaran dan warisan para pendahulunya. Nabi Muhammad, nabi terakhir dan penutup kenabian, dianggap sebagai puncak dan kesempurnaan kenabian, menggabungkan ajaran-ajaran dan petunjuk dari para nabi sebelumnya. Secara keseluruhan, Rasul Ulul 'Azmi dihormati dalam tradisi Islam kerana peranan penting mereka dalam menyebarkan tauhid, dedikasi tak tergoyahkan mereka terhadap misi-misi mereka, dan pengaruh yang berkekalan dalam perkembangan dan penyebaran Islam sebagai cara hidup yang menyeluruh. Mereka menjadi contoh teladan bagi umat Islam, menginspirasi mereka untuk menegakkan prinsip-prinsip iman, kebenaran, dan ketabahan dalam menghadapi kesulitan.

³⁶ Jaffary Awang, Ahmad Faizuddin Ramli dan Zaizul Ab Rahman (2022), "Intercultural Theology in the Multicultural Context of Muslim-Buddhist Relation in Malaysia: History, Identity, and Issues," *Religions*, Jil. 13, Bil. 11, h. 1125; Ahmad Faizuddin Ramli, Jaffary Awang dan Zaizul Ab Rahman (2020), "Buddhism According to Modern Muslim Exegetes," *International Journal of Islam in Asia*, Jil. 1, Bil. 1, h. 49-66; Jaffary Awang, Ahmad Faizuddin Ramli dan Zaizul Ab Rahman (2021), "Muslim Views on other Religions: With Special Reference to Buddhism," *HTS Teologiese Studies / Theological Studies*, Jil. 77, Bil. 4, h. 2; Ali, W. Z. K. W. (1997), "Konsep Nabi dan Rasul dari Perspektif Al-Qur'an," *Jurnal Usuluddin*, Vol. 5, 31-42.

³⁷ Muhammad Jawad Mughniyyah (1983), *Tafsir al-Mubin*, t.tp: Nasyr al-Tauhid, h. 671.

³⁸ Abdul Ghafar Don, Nurul Nazuha Hazizan dan Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2011), "Dakwah kepada Non-Muslim: Sorotan Pendekatan Rasul Ulu al-'Azmi," *Islamiyyat the International Journal of Islamic Studies*, Jil. 33, h. 47

³⁹ Q.S. al-Ahqaf (46:35).

Menurut Fadliah,⁴⁰ terdapat empat pra-syarat yang membolehkan para Nabi tersebut dikategorikan dalam Rasul Ulul Azmi seperti berikut:

Sabar

Sabar merupakan kejayaan menahan gejolak nafsu untuk mencapai tahap yang baik atau yang lebih baik. Sabar sendiri merupakan pelaksanaan tuntunan Allah secara konsisten tanpa meronta atau mengeluh. Adapun yang belum mencapai tingkat kebajikan itu, maka diharapkan dapat memperoleh petunjuk melalui nabi Muhammad SAW.

Berjiwa Besar / Sedia Memberi Maaf

Sifat ini direkodkan dalam al-Quran⁴¹ yang menjelaskan bahawa setelah sifat sabar maka tindakan selanjutnya adalah memberikan maaf dan memohonkan keampunan atas dosa-dosa yang dilakukan suatu kaum terhadap nabinya atau orang-orang yang dekat kepada Allah.

Mempunyai Tekad yang Kuat untuk Melaksanakan Perintah Allah

Hal ini adalah kesinambungan dari apa yang diperintahkan Allah bahawa seorang rasul diturunkan ke muka bumi ini adalah untuk menyampaikan kebenaran, iaitu memerintahkan kebaikan dan mencegah kemungkaran. Justeru seorang Nabi Ulul 'Azmi sudah seharusnya menjalankan perintah tersebut, walaupun berhadapan dengan cabaran dan rintangan.

Tidak Gopoh

Tidak tergesa-gesa dalam memutuskan sesuatu adalah sifat kebiasaan manusia ketika dizalimi orang lain, maka usaha untuk membalas adalah kemestian. Namun bagi para nabi Ulul 'Azmi, tidak akan tergesa-gesa membalas perlakuan kasar, jahat, cacian, hinaan ataupun mendoakan agar segera diturunkan seksa kepada kaum yang ingkar tersebut.

Dengan pra-syarat yang membentuk karakter Rasul Ulul 'Azmi demikian, mereka tetap tabah dalam menghadapi sikap dan tindakan kaumnya yang mengingkari dan mendustakan risalah yang disampaikan kepada mereka. Bahkan mereka tanpa jemu sentiasa mengajak mereka ke jalan Allah, tanpa mengira waktu, tempat dalam apa jua keadaan. Dengan sifat belas ihsan mereka, para Rasul ini sentiasa mendoakan supaya kaumnya sedar bahkan memohonkan keampunan atas dosa-dosa yang telah dilakukan. Demikian betapa hebatnya para Rasul Ulul 'Azmi ini.

Dapatan dan Perbincangan

Kaedah Penyebaran agama oleh Nabi Nuh a.s.

Nabi Allah Nuh a.s., merupakan Rasul Ulu al-'Azmi yang pertama dan paling panjang umur serta waktunya dalam melaksanakan tugas berdakwah kepada kaumnya. Dari sudut urutan masa, Nabi Allah Nuh a.s. mendahului nabi-nabi Ulul 'Azmi yang lain, iaitu Nabi Allah Ibrahim a.s., Nabi Allah Musa a.s, Nabi Allah 'Isa a.s, serta Nabi Muhammad s.a.w. Syeikh Ibrahim al-Bajuri⁴² menyebut dari aspek urutan keutamaannya pula kesemua mereka itu didahului oleh Nabi Muhammad s.a.w., menyusul kemudiannya oleh Nabi Ibrahim a.s., lalu diikuti oleh Musa a.s., menyusul selepasnya Nabi Allah 'Isa a.s., dan yang terakhir Nabi Allah Nuh a.s. Nabi Allah Nuh a.s. berdakwah kepada kaumnya siang dan malam selama 950 tahun. Fakta ini berdasarkan ayat al-Quran: "Dan sesungguhnya Kami telah mengutus Nabi Nuh kepada kaumnya, maka tinggallah ia dalam kalangan mereka selama sembilan ratus lima puluh tahun; akhirnya mereka dibinasakan oleh taufan sedang mereka berkeadaan zalim (dengan kufur derhaka)."⁴³

Nabi Allah Nuh a.s membawa syariat agama yang ditentukan Allah kepada kaumnya. Dari segala Nabi dan Rasul Allah, maka Nabi Nuh merupakan nabi yang terawal membawa syariat Allah. Adapun Nabi Adam yang diutuskan sebelum Nabi Nuh, baginda tidak membawa syariat untuk satu kaum tertentu lantaran Adam a.s. belum berhadapan dengan kaum. Bahkan sebagai manusia yang pertama diciptakan

⁴⁰ Ine Ratu Fadliah (2022), "Tinjauan Al-Qur'an dan Sunah tentang Mukjizat Para Nabi," *Journal Analytica Islamica*, Jil. 11, Bil. 2, h. 304.

⁴¹ Firman Allah: "Dalam pada itu (ingatlah), orang yang bersabar dan memaafkan (kesalahan orang terhadapnya), sesungguhnya yang demikian itu adalah dari perkara-perkara yang dikehendaki diambil berat (melakukannya)" (Q.S. as-Syura 42:43).

⁴² al-Syaikh Ibrahim al-Bajuri (2010), *Tahqiq al-Maqam 'ala Kifayah al-'Awam fi 'Ilm al-Kalam. Taklik 'Alwi Abu Bakar Muhammad al-Saqaf*, Jakarta: Dar al-Kutub al-Islamiyyah, h. 129

⁴³ Q.S. al-'Ankabut (29:14).

Allah, baginda belum mempunyai kaum tertentu, melainkan dalam kalangan isteri dan beberapa orang anaknya. Hanya pada masa Nabi Nuh, baharu timbul masyarakat yang luas, sehingga Nabi Nuh diutus kepada kaumnya. Nabi Nuh berdakwah kepada kaumnya supaya kembali menyembah Allah yang Esa dan meninggalkan kesyirikan.⁴⁴

Antara metode dakwah nabi Allah Nuh a.s., yang diungkapkan oleh Allah dalam al-Quran seperti dalam firman Allah SWT:

Sesungguhnya Kami telah mengutuskan Nabi Nuh kepada kaumnya, lalu berkatalah ia: "Wahai kaumku! Sembahlah kamu akan Allah, (sebenarnya) tidak ada Tuhan bagi kamu selain daripada-Nya. Sesungguhnya aku bimbang, kamu akan ditimpa azab hari yang besar (hari kiamat)" Ketua-ketua dari kaumnya berkata: "Sesungguhnya kami nampakmu (wahai Nuh) berada dalam kesesatan yang nyata" Nabi Nuh menjawab: "Wahai kaumku! Tidak ada padaku sebarang kesesatan, tetapi aku adalah seorang Rasul dari Tuhan sekalian alam"⁴⁵

Ayat di atas mengetengahkan perihal Nabi Allah Nuh a.s. yang berdakwah kepada kaumnya dengan metode *bil lisan* menerusi pendekatan dialog. Intipati dialog tersebut adalah menyentuh aspek pengabdian diri kepada Allah sebagai satu-satunya Tuhan yang wajib dan layak disembah. Seruan agar beriman kepada Allah ini adalah demi menyelamatkan mereka daripada ditimpa azab yang besar pada hari kiamat. Tetapi seruan tersebut ditolak oleh kaumnya dengan baginda berada dalam kesesatan yang nyata. Lalu Nabi Allah Nuh menjawab tuduhan mereka menafikan kesesatan tersebut, sebaliknya menyatakan kerasulan baginda sebagai seorang Rasul daripada Tuhan sekalian alam.

Selain pendekatan dialog, ayat tersebut menunjukkan Nabi Allah Nuh a.s. juga menggunakan pendekatan 'taaruf' kepada kaumnya dengan memperkenalkan identiti dirinya sebagai Rasul yang diutuskan oleh Allah khusus kepada mereka. Hal ini dapat difahami daripada rangkaian ayat: "...akan tetapi aku ini adalah Rasul daripada Tuhan sekalian alam." Pendekatan 'taaruf' atau pengenalan diri sebagai Rasul yang diutuskan Allah kepada kaumnya adalah sebahagian daripada metode dakwah Nabi Allah Nuh a.s. dengan kaumnya bagi menghilangkan tanggapan batil mereka yang menuduhnya sebagai orang yang sesat. Selain itu Nabi Allah Nuh a.s., juga telah mempamerkan pendekatan pemberian peringatan dan amaran (*indhar*) kepada kaumnya. Pendekatan ini seperti mana dinyatakan oleh al-Quran: "Sesungguhnya Kami telah mengutus Nabi Nuh kepada kaumnya, (dengan berfirman kepadanya): Berikanlah peringatan dan amaran kepada kaummu sebelum mereka didatangi azab yang tidak terperi sakitnya."⁴⁶

Al-Quran juga menjelaskan pendekatan dakwah secara rahsia (*sirr*) dan terang-terangan (*jahar*) juga dilakukan oleh Nabi Allah Nuh a.s. Firman-Nya: "Kemudian aku telah menyeru mereka dengan terang-terang; Selain dari itu, aku (berulang-ulang) menyeru mereka secara beramai-ramai dengan berterusterang dan menyeru mereka lagi secara berseorangan dengan perlahan-lahan."⁴⁷

Berdasarkan perbincangan di atas, Nabi Nuh a.s. dalam metode dakwah baginda kepada umatnya adalah bersifat *bil lisan*, dengan menerapkan lima pendekatan, iaitu dialog, taaruf, peringatan dan amaran, rahsia dan terang-terangan.

Kaedah Penyebaran agama oleh Nabi Ibrahim a.s.

Nabi Ibrahim a.s., adalah Rasul Ulul 'Azmi yang kedua setelah Nabi Allah Nuh a.s. Beliau diutus kepada kaumnya di Babylon. Kaumnya pada ketika itu menyembah bintang-bintang dan segala yang berkaitan dengannya serta membuat patung untuk dijadikan sembah.⁴⁸ Baginda merupakan seorang Rasul yang sangat berani menentang penyembahan berhala dengan menggunakan rasional, tidak pernah merasa gentar dengan kekejaman Namruz, malahan bersiap siaga menghadapi kematian demi mempertahankan keimanannya. Ketaatannya kepada Allah tidak oleh dikalahkan oleh siapa pun. Hal ini terbukti pada waktu Allah memerintahkan menyembelih anaknya dengan tangannya sendiri. Nabi

⁴⁴ Haji Abdulmalik Abdulkarim Amrullah Hamka (1982), *Tafsir al-Azhar*, Singapura: Pustaka Nasional, juz 8, h. 70.

⁴⁵ Q.S. al-A'raf (7:59-61).

⁴⁶ Q.S. Nuh (71:1).

⁴⁷ Q.S. Nuh (71: 8-9).

⁴⁸ Muhd Najib Abdul Kadir, Mabruki Mohammad Sai dan Latifah Abdul Majid (2013), "Metodologi Dakwah kepada Ibu Bapa Bukan Muslim berdasarkan Kisah Nabi Ibrahim AS," *Islamiyyat the International Journal of Islamic Studies*, Jil. 35, Bil. 2, h. 57-66.

Ibrahim a.s. melaksanakannya dengan ikhlas tanpa ragu. Dalam catatan sejarah, Ibrahim a.s., bersama anaknya Ismail sangat berjasa dalam memperbaiki dan membangun Kaabah. Hal ini dijelaskan dalam al-Quran surah al-Baqarah ayat 127 dan baginda digelar sebagai Khalilullah (kekasih Allah SWT). Al-Quran Surah al-Nisa' (4:125) menyebut: "...dan Allah mengambil Ibrahim menjadi khalil-Nya."

Antara metode dakwah yang dipakai oleh Nabi Allah Ibrahim a.s. ialah *bil lisan* dan *bil hal*. Metode dakwah *bil lisan* diaplikasikan Ibrahim menerusi pendekatan debat atau berhujah. Hal ini dinyatakan al-Quran:

Tidakkah engkau (pelik) memikirkan (wahai Muhammad) tentang orang yang berhujah membantah Nabi Ibrahim (dengan sombongnya) mengenai Tuhannya, kerana Allah memberikan orang itu kuasa pemerintahan? Ketika Nabi Ibrahim berkata: "Tuhanku ialah Yang menghidupkan dan Yang mematikan". Ia menjawab: "Aku juga boleh menghidupkan dan mematikan". Nabi Ibrahim berkata lagi: "Sesungguhnya Allah menerbitkan matahari dari timur, oleh itu terbitkanlah dia dari barat?" Maka tercenganglah orang yang kafir itu (lalu diam membisu). Dan (ingatlah), Allah tidak akan memberikan petunjuk kepada kaum yang zalim.⁴⁹

Para Ahli Tafsir⁵⁰ menyatakan individu yang berdebat dengan Nabi Ibrahim a.s. tentang kekuasaan Allah itu ialah Raja Namruz, tokoh penguasa sombong iaitu Namruz bin Kan'an bin Kusy bin Sam bin Nuh.⁵¹ Selain berdebat, Nabi Ibrahim a.s. turut menerapkan pendekatan rasional⁵² kepada kaumnya bagi mereka menyedari kebatilan pemikiran yang menyembah Tuhan-tuhan palsu. Firman-Nya:

Dan bacakanlah pula kepada mereka perihal Nabi Ibrahim, ketika ia berkata kepada bapanya dan kaumnya: "Apa yang kamu sembah?" Mereka menjawab: "Kami menyembah berhala-berhala, maka (kerana memuliakannya) kami berkekalan menyembahnya" Nabi Ibrahim bertanya: "Adakah berhala-berhala itu mendengar kamu semasa kamu menyerunya? "Atau mereka dapat memberikan sesuatu yang ada manfaatnya kepada kamu ataupun menimpakan sesuatu bahaya?" Mereka menjawab: "(Tidak satu pun!) Bahkan kami dapati datuk nenek kami berbuat demikian" Nabi Ibrahim berkata: "Sudahkah kamu berfikir sehingga nampak gunanya benda-benda yang kamu sembah itu?"⁵³

Ayat di atas antara lain turut menunjukkan pendekatan dialog dan diskusi digunakan sebagai metode dakwahnya dengan bertanya dan menjawab secara terbuka.⁵⁴ Setelah pendekatan ini digunakan, namun kaumnya masih berdegil, Nabi Ibrahim a.s. menggunakan metode dakwah *bil hal* menerusi tindakan. Firman Allah SWT:

Dan demi Allah, aku akan jalankan rancangan terhadap berhala-berhala kamu, sesudah kamu pergi meninggalkan (rumah berhala ini)" Lalu ia memecahkan semuanya berketul-ketul, kecuali sebuah berhala mereka yang besar (dibiarkannya), supaya mereka kembali kepadanya (Setelah melihat kejadian itu) mereka bertanya: "Siapakah yang melakukan perbuatan yang demikian terhadap tuhan-tuhan kami? Sesungguhnya adalah ia dari orang-orang yang zalim."⁵⁵

Para ahli Tafsir menyatakan bahawa, perkataan "Dan demi Allah, aku akan jalankan rancangan terhadap berhala-berhala kamu, sesudah kamu pergi meninggalkan (rumah berhala ini)" diucapkan Ibrahim a.s. dalam hatinya saja. Dengan erti kata lain, Nabi Ibrahim a.s. akan menjalankan tipu dayanya untuk menghancurkan berhala-berhala tersebut, sesudah mereka meninggalkan tempat-tempat berhala itu. Hamka dalam *Tafsir Al-Azhar* menegaskan bahawa Ibrahim bersumpah betul-betul akan

⁴⁹ Q.S. al-Baqarah (2:258).

⁵⁰ Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Mahalli al-Jalayn dan Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr al-Suyuti (t.t.), *Tafsir al-Jalalyn*, Maktabah wa Matba'ah Dar al-Mu'arif, juz 1, h. 40; Sulaiman bin Basyir al-Azadi bi al-Laula al-Balkhi (2002), *Tafsir Muqatil bin Sulaiman*, Beirut: Dar al Kutub al 'Ilmiyah, juz 1, h. 215; Abu al-Hajaj Mujahid bin Jabr al-Makhzumi (1979), *Tafsir Mujahid*, Tahkik Muhammad 'Abd al-Salam Abu Nayl, Mesir: Dar al-Fikr al-Islami, h. 243.

⁵¹ Abu Ja'afar Ibn Jarir al-Tabari (t.t.), *Jami' Bayan Ta'wil Ai al-Qur'an*, Mekah: Dar al-Tarbiyah wa al-Turath, juz 5, h. 430.

⁵² Agus Dedi Putrawan (2021), "Menakar Sejarah Pemikiran Dakwah Era Nabi Ulul 'Azmi," *MUDABBIR: Jurnal Manajemen Dakwah*, Jil. 2, Bil. 1, h. 11.

⁵³ Q.S al-Syu'ara' (26:69-75).

⁵⁴ Dwi Ratnasari (2016), "Sejarah Nabi-Nabi dalam Al-Quran," *KOMUNIKA: Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, Jil. 5, Bil. 1, h. 93-106.

⁵⁵ Q.S. al-Anbiya' (21:57-59).

menghancurkan patung sembah mereka, akhirnya pada masa kaumnya tiada di tempat tersebut kerana berada di rumah mereka masing-masing, Nabi Ibrahim a.s kemudiannya menghancurkannya dan meninggalkan patung yang paling besar dengan digantung sebilah kapak besar pada lehernya.

Dalam pandangan yang sama, Muhammad Hasbi Ash Shiddieqy⁵⁶ menyatakan, Nabi Ibrahim a.s berniat dalam hatinya dengan bersumpah bahawa dia akan berusaha menghancurkan berhala-berhala itu, ketika kaumnya pergi ke majlis perayaan mereka. Ditegaskan lagi oleh Hasbi bahawa pada setiap tahun mereka mempunyai satu hari raya. Mereka mengajak Nabi Ibrahim a.s untuk turut bersama, tetapi Nabi Ibrahim a.s tidak mahu ikut pergi dengan alasan sakit. Sedangkan maksud Ibrahim adalah ingin mempergunakan kesempatan itu untuk menghancurkan berhala-berhala mereka. Maka selepas mereka pergi, Nabi Ibrahim a.s menghancurkan semua berhala kecuali satu yang paling besar. Maksud Ibrahim berbuat seperti itu agar mereka kembali kepadanya, dan bertanya serta mahu meninggalkan penyembahan berhala.⁵⁷ Lantaran gagal menjawab hujah rasional Nabi Ibrahim a.s.,⁵⁸ mereka akhirnya menjatuhkan hukuman bakar kepada Nabi Ibrahim a.s. demi memadamkan cahaya dakwah yang dibawa oleh baginda a.s.

Kaedah Penyebaran agama oleh Nabi Musa a.s.

Kisah Nabi Musa a.s. adalah diantara kisah Nabi yang paling banyak disebutkan di dalam al-Quran. Penceritaan kisah baginda a.s. terdapat pada 18 surah⁵⁹ bermula kisah kelahirannya, sewaktu dewasa, sewaktu menerima Taurat, sewaktu berdakwah dengan Firaun dan Qarun, serta sewaktu berguru kepada Khidir a.s. Kisah yang paling banyak disebutkan al-Quran adalah sewaktu baginda a.s. berdakwah kepada Bani Israel dan Firaun.⁶⁰ Firman Allah SWT: “Dan (ingatkanlah peristiwa) ketika Tuhanmu menyeru Nabi Musa: “Hendaklah engkau mendatangi kaum yang zalim.”⁶¹

Dalam menjalankan tugasnya, Nabi Musa dibantu oleh saudaranya Nabi Harun a.s. Maka kedua-dua Nabi tersebut menghadap Firaun yang angkuh dan menganggap dirinya sebagai Tuhan, sebagaimana yang direkodkan dalam al-Quran: “Firaun berkata: “Demi sesungguhnya! Jika engkau menyembah Tuhan yang lain daripadaku, sudah tentu aku akan menjadikan engkau dari orang-orang yang dipenjarakan”⁶² Al-Quran menggambarkan metode dakwah Nabi Musa a.s. menerusi kaedah *bil lisan maqal* menerusi pendekatan dialog. Maka dalam dakwah kepada Firaun, baginda a.s. menerapkan unsur perkataan yang lemah lembut, sesuai menurut perintah Allah SWT kepada mereka. Firman-Nya: “Pergilah kamu berdua kepada Firaun, sesungguhnya ia telah melampaui batas dalam kekufurannya “Kemudian hendaklah kamu berkata kepadanya, dengan kata-kata yang lemah-lembut, semoga ia beringat atau takut.”⁶³

Gambaran tentang dialog dengan menggunakan kata-kata yang lemah lembut sebagai salah satu pendekatan dakwah Nabi Musa a.s., antara lainnya boleh diperhatikan dalam firman-Nya:

Setelah mereka menyampaikan perintah Allah itu), Firaun berkata: “Jika demikian, siapakah Tuhan kamu berdua, hai Musa?” Nabi Musa menjawab: “Tuhan kami ialah yang telah memberikan kepada tiap-tiap sesuatu: kejadian semula jadinya yang sesuai dengannya, kemudian Ia memberi petunjuk kepadanya akan cara menggunakannya” Firaun bertanya lagi: “Jika demikian, bagaimana pula keadaan kaum-kaum yang telah lalu?” Nabi Musa menjawab: “Pengetahuan mengenainya ada di sisi Tuhanku, tertulis di dalam sebuah Kitab; Tuhanku tidak pernah keliru dan Ia juga tidak pernah lupa” (Dia lah Tuhan) yang telah menjadikan bumi bagi kamu sebagai hamparan, dan Ia telah mengadakan bagi kamu padanya jalan-jalan lalu-lalang; dan Ia juga telah menurunkan

⁵⁶ Teungku Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy (2000), *Tafsir Al-Quranul Majid An-Nur*, Semarang: Pustaka Rizki Putra.

⁵⁷ Teungku Muhammad Hasbi Ash-Shiddieqy (1966), *Tafsir Al-Bayan*, Bandung: PT Al-Ma'arif, juz 3, h. 2621-2622.

⁵⁸ Muhammad Taqiyuddin (2023), “Qur'anic Logic in the Story of Prophets Abraham and Moses,” *Al-Karim: International Journal Quranic and Islamic Studies*, Jil. 1, Bil. 1, h. 20.

⁵⁹ al-Baqarah, al-Maidah, al-An'am, al-A'raf, Yunus, Hud, al-Isra', al-Kahfi, Maryam, Thaha, al-Syu'ara', al-Naml, al-Qashash, al-Ahzab, Ghafir, Al-Zukhruf, al-Dzariyat, dan al-Nazi'at.

⁶⁰ Luthviah Romziana dan Nur Wahyuni Rahmaniayah (2021), “Analisis Kritis M. Quraish Shihab Terhadap Pengulangan Kisah Nabis Musa Dalam Al-Qur'an,” *Jurnal Islam Nusantara*, Jil. 5, Bil. 2, h. 105.

⁶¹ Q.S al-Syu'ara (26:10).

⁶² Q.S. al-Syu'ara (26: 29); al-Qasas (28:38).

⁶³ Q.S. Tāhā (20:43-44).

hujan dari langit. Maka Kami keluarkan dengannya berjenis-jenis tanaman dan buah-buahan yang berlainan keadaannya.⁶⁴

Dari penjelasan di atas, dapat difahami bahawa Nabi Musa berdakwah kepada Firaun dengan pendekatan dialog secara lembut (*qawlan layyinan*) tentang ketuhanan. Musa menjawab pertanyaan Firaun dengan menjelaskan bahawa Tuhan yang sebenarnya adalah Allah yang menciptakan segala sesuatu, yang menciptakan bumi dan tumbuh-tumbuhan yang bermanfaat untuk manusia. Firaun yang gagal berhujah dengan Musa mengarahkan tukang sihirnya melawan Nabi Allah Musa a.s.⁶⁵ Maka dalam mendepani Firaun, Nabi Musa a.s. menerapkan pendekatan dakwah *bil hal* menerusi pertunjukan mukjizat yang dikurniakan Allah SWT kepada baginda a.s.

Medan pertentangan antara kubu kebatilan Firaun dengan menggunakan kekuatan sihir dengan kubu kebenaran Nabi Allah Musa dan pengikutnya dengan kekuatan kebenaran mukjizat daripada Allah boleh diistilahkan sebagai '*muwajahah silmiyyah*' (pertentangan secara damai). Hal demikian kerana dalam pertarungan ini tidak ada peristiwa kematian atau jiwa yang terkorban. Adapun ancaman seksaan dan kematian yang dikeluarkan oleh Firaun setelah tukang-tukang sihir melihat kebenaran berpihak kepada Nabi Allah Musa a.s. berlaku di luar daripada acara perlawanan tersebut. Berdasarkan kisah yang dirakamkan dalam al-Quran, Nabi Musa telah mengaplikasikan metode dakwah *bil lisan* dan *bil hal* dalam menyebarkan ajaran Islam dan menentang kebatilan Firaun. Manakala pendekatan baginda bermula dengan dialog disusuli dengan tindakan.

Kaedah Penyebaran agama oleh Nabi Isa a.s.

Nabi Isa a.s. yang dikenali sebagai salah satu nabi terkemuka dalam al-Quran, merangkap salah seorang Rasul Ulul 'Azmi. Kisah Nabi Isa a.s juga banyak disebutkan dalam ayat al-Quran yang menyoroti peranan beliau sebagai utusan Allah yang terpilih sejak berada dalam kandungan ibunya Saidatina Maryam a.s. Bahkan nama Maryam didedikasikan sebagai salah satu nama surah di dalam al-Quran. Dalam al-Quran, Nabi Isa digambarkan sebagai seorang yang ajaib, dilahirkan tanpa bapa biologikal menerusi rahim Saidatina Maryam a.s. yang merupakan seorang perawan. Nama baginda a.s. dalam al-Quran turut digelar dengan al-Masih, Roh al-Qudus dan mempunyai pengikut setia yang digelar al-Hawariyyun.⁶⁶ Al-Quran juga menggambarkan Nabi Isa sebagai individu yang soleh dan berakhlak mulia, rendah diri dan pengasih. Al-Quran memaparkan mukjizat baginda a.s. sejak bayi dalam membuktikan kerasulan kepada kaumnya. Firman Allah SWT:

Maka Maryam segera menunjuk kepada anaknya. Mereka berkata (dengan hairannya): "Bagaimana kami boleh berkata-kata dengan seorang yang masih kanak-kanak dalam buaian?" Ia menjawab: "Sesungguhnya aku ini hamba Allah; Ia telah memberikan kepadaku Kitab (Injil), dan Ia telah menjadikan daku seorang Nabi dan Ia menjadikan daku seorang yang berkat di mana sahaja aku berada, dan diperintahkan daku mengerjakan sembahyang dan memberi zakat selagi aku hidup" Serta (diperintahkan daku) taat dan berbuat baik kepada ibuku, dan Ia tidak menjadikan daku seorang yang sombong takbur atau derhaka dan segala keselamatan serta kesejahteraan dilimpahkan kepadaku pada hari aku diperanakkan dan pada hari aku mati, serta pada hari aku dibangkitkan hidup semula (pada hari kiamat)" Yang demikian sifat-sifatnya itulah Isa Ibnu Maryam. Keterangan yang tersebut ialah keterangan yang sebenar-benarnya, yang mereka ragu-ragu dan berselisihan padanya.⁶⁷

Menurut Ibn Kathir, perkataan "Sesungguhnya, aku hamba Allah," merupakan kalimah pertama yang diucapkan Nabi Isa a.s, yang mengandungi maksud pengabdian (*ubudiyyah*) untuk Tuhannya, dan Allah adalah Tuhannya. Maka, kata-kata Isa ini menyucikan Allah dari perkataan orang-orang zalim yang menyatakan bahawa baginda anak Allah. Sebaliknya, baginda adalah hamba lelaki- Nya, rasul- Nya, putera hamba perempuan-Nya.⁶⁸ Menurut Hamka ayat tersebut menunjukkan Nabi Isa a.s., terlebih dahulu memperkenalkan diri kepada kaumnya sebagai Rasul yang diutuskan Allah dengan membenarkan kitab Taurat yang telah diturunkan kepada Musa a.s. dan sekali gus menyampaikan

⁶⁴ Q.S. Taha (20:49-53).

⁶⁵ Q.S. Taha (20: 65-70).

⁶⁶ Muhammad Saekul Mujahidin (2023), "Al Hawariyyun Dalam Perspektif Tafsir ath-Thabari Karya Abu Ja'far Muhammad bin Jarir ath - Thabari," *Ta'wiluna: Jurnal Ilmu Al-Qur'an, Tafsir dan Pemikiran Islam*, Jil. 4, Bil. 1, h. 82.

⁶⁷ Q.S Maryam (19:29-34).

⁶⁸ Imaduddin Abu Fida' Ismail Ibn Kathir (2013), *Qasasul Anbiya*, Jakarta: Ummul Qura. h. 883.

ajaran Taurat selain kitab Injil yang diberikan kepadanya.⁶⁹ Dengan demikian dapat diketahui bahawa metode dakwah Nabi Isa adalah *bil lisan* menerusi pendekatan *taaruf* atau memperkenalkan dirinya sebagai utusan Allah. Pada masa sama, suasana ucapan tersebut dalam keadaan yang luar biasa, secara tidak langsung ia juga membawa kepada metode *bil hal* menerusi pendekatan rasional. Dengan erti kata, ungkapan pengakuan kerasulan Nabi Isa a.s. dibuktikan dengan keadaan kerana bagaimana mungkin seorang bayi boleh berkata-kata melainkan dengan keizinan Tuhan yang Maha Berkuasa.

Selain itu, metode dakwah baginda a.s. dapat dilihat menerusi dakwahnya terhadap Bani Israel agar menyembah Allah dan jangan mensyirikkan-Nya, sebagaimana dalam firman-Nya:

Demi sesungguhnya! Telah kafirlah orang-orang yang berkata: “Bahawasanya Allah ialah Al-Masih Ibni Maryam”. Padahal Al-Masih sendiri berkata:” Wahai Bani Israel! Sembahlah Allah, Tuhanku dan Tuhan kamu, Bahawasanya sesiapa yang mempersekutukan Allah dengan sesuatu yang lain, maka sesungguhnya Allah haramkan kepadanya Syurga, dan tempat kembalinya ialah neraka; dan tiadalah seorang penolong pun bagi orang-orang yang berlaku zalim.⁷⁰

Nabi Isa juga menerangkan kepada Bani Israel tujuan diutuskan baginda untuk membawa *hikmah* dengan menjelaskan mengenai ajaran Tuhan yang diperselisihkan oleh kaumnya.⁷¹ Hal ini menunjukkan baginda melaksanakan tugas dakwahnya dengan pendekatan hikmah serta penerangan (*tabyin*) kepada kaumnya. Al-Ṭabarī (224-310H) dalam hal ini menyebut *al-bayyināt* merupakan keterangan-keterangan alasan yang jelas, dan dikatakan juga maksudnya sebagai (kitab) al-Injil. Manakala perkataan hikmah pada ayat ini bermaksud kenabian.⁷² Manakala Muqatil bin Sulaiman (m. 150H) berkata istilah *al-bayyināt* yang disebut dalam Surah al-Saf (62:6) sebagai (mukjizat) Nabi 'Isa yang menjadikan (burung) dari tanah, menyembuh orang buta dan sopak, juga menghidupkan orang yang telah mati.⁷³

Dalam konteks yang lain, kedua-dua ungkapan *hikmah* dan *tabyin* boleh disinonimkan dengan amal kebajikan kemasyarakatan yang diperlukan manusia. Hal demikian kerana penyembuhan dari sakit atau sesuatu yang membawa musibah dalam kehidupan manusia yang dilakukan oleh Nabi 'Isa a.s. merupakan sebahagian dari amal kemasyarakatan yang jelas. Ia merupakan penjelasan dan terjemahan praktikal sifat kenabian utusan Allah. Istilah Injil juga tidak terlepas dari hal tersebut kerana ia mengandungi maksud 'berita gembira' atau kurniaan rahmat daripada Allah kepada mereka yang beriman dengannya. Hati mereka tersemai sifat kasih sayang dan kasihan belas antara sesama mereka. Lantaran demikian mereka saling bertolongan sesama sendiri. Hal ini diujahkan oleh al-Imam al-Ṭabarī⁷⁴ dalam mentafsirkan Surah al-Hadid (57:27) menyebut “kemudian kami susuli sesudah mereka itu para Rasul yang kami utuskan mereka dengan *al-bayyināt* (keterangan dan penjelasan yang nyata) dari Rasul-rasul kami keturunan Nuh dan Ibrahim, dan Kami susuli dengan 'Isa Ibn Maryam [dan Kami jadikan dalam hati orang-orang yang mengikutinya] iaitu orang-orang yang mengikut jalan dan syariat Isa 'a.s. dengan *ra'fatun* (rasa belas kasihan).⁷⁵ Berdasarkan perbincangan tersebut, metode dakwah Nabi Isa a.s. berpusat kepada bil lisan dan bil hal yang diterjemahkan menerusi pelbagai pendekatan seperti *taaruf*, *hikmah*, *tabyin*, *ra'fatun*.

Kaedah Penyebaran agama oleh Nabi Muhammad s.a.w.

Nabi Muhammad s.a.w., yang diakui sebagai Rasul terakhir dalam agama Islam, berperanan penting mencorak landskap kehidupan masyarakat didunia sehingga zaman kini. Meskipun baginda merupakan Nabi yang terakhir diutuskan, kedudukan baginda s.a.w. adalah berada di tahap paling tinggi dalam kalangan Rasul Ulul 'Azmi.⁷⁶ Nama baginda s.a.w. bukan sahaja tertanam dalam hati dan jiwa umat

⁶⁹ Q.S Ali-Imran (3:50), Lihat juga Muhammad Mahmud al-Sawwaf (1985), *Bayna al-Ri'ayah wa al-Du'at*, Beirut: Mu'asasah al-Risalah, juz 28, h. 126-127.

⁷⁰ Q.S Al-Maidah (5:72).

⁷¹ Q.S. az-Zukhruf (43:63).

⁷² al-Ṭabarī (t.t.), *Jami' Bayan*, juz 21, h. 634.

⁷³ al-Balkhi (2002), *Tafsir Muqatil bin Sulaiman*, juz 4, h. 318

⁷⁴ al-Ṭabarī (t.t.), *Jami' Bayan*, juz 23, h. 202.

⁷⁵ Menurut Abu Ishaq al-Tha'labi (w.427H), perkataan *ra'fatun* merujuk kepada *أشد الرقة* [sangat kasihan belas]. Sifat sebegini menimbulkan suasana harmoni dalam kehidupan bermasyarakat. Lihat Abu Ishaq Ahmad bin Ibrahim al-Tha'labi (2002), *Al-Kasyf wa al-Bayan 'an Tafsir al-Qur'an*, 10 juzuk, Tahkik Muhammad bin 'Asyur, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

⁷⁶ Imam Ibnu Hajar (2014), “Sejarah Agama dalam al-Qur'an,” h. 393.

Islam, bahkan dalam kalangan non-Muslim,⁷⁷ sesuai dengan misi kenabian baginda s.a.w. sebagai pembawa rahmat kepada sekalian alam. Al-Quran selain mengabadikan nama baginda sebagai salah satu nama surah, turut memaparkan kisah Nabi Muhammad sebagai contoh teladan dalam segala aspek kehidupan, baik sebagai pemimpin, suami, ayah, dan manusia yang beriman. Baginda yang merupakan penutup episod kenabian, melengkapkan dan memurnikan ajaran para Nabi dan Rasul yang terdahulu. Kehidupan dan ajaran Nabi Muhammad menjadi pedoman bagi umat Islam dalam menjalani kehidupan sehari-hari.

Keistimewaan baginda, bukan sekadar pada mukjizat *hissi* sebagaimana yang dianugerahkan kepada Rasul Ulul 'Azmi yang lain, bahkan baginda diberikan mukjizat *maknawi*.⁷⁸ Sebagai manusia yang terbaik, maka metode dakwah baginda juga merupakan yang terbaik dengan menggabungkan metode para Nabi dan Rasul yang terdahulu, iaitu secara *bil lisan* (dengan perkataan), *bil hal* (dengan keadaan) dan ditambah dengan *bil kitabah* (penulisan). Kesemua metode dakwah ini diaplikasikan menerusi pelbagai pendekatan, sesuai dengan kapasiti baginda yang diutuskan untuk seluruh alam. Asasnya bagi metode dakwah Nabi sebagaimana diperintahkan oleh Allah SWT dalam al-Quran:

Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan kebijaksanaan (*hikmah*) dan nasihat pengajaran yang baik (*mau'idhah hasanah*), dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik (*ahsan mujadalah*); sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalan-Nya, dan Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.⁷⁹

Perkataan al-hikmah pada ayat di atas menurut al-Maraghi (m. 1945), bermaksud perkataan yang jelas disertai dalil atau hujah yang dapat memperjelaskan kebenaran dan menghilangkan keraguan. Pandangan yang berbeza diketengahkan oleh Muhammad Abduh (m. 1905), bahawa *al-hikmah* sebagai ilmu yang sah lagi berupaya membangkitkan kemahuan untuk melakukan suatu perbuatan yang bermanfaat dan mampu pula mengetahui rahsia dan faedah setiap sesuatu. Manakala H. Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs menyatakan bahawa *al-hikmah* ialah bijaksana dan pengajaran yang baik untuk memanggil manusia kepada jalan Tuhan, mengembangkan agama kepada umum. Justeru Islam mengajarkan supaya digunakan cara kebijaksanaan, dengan ilmu dan hikmah, dengan memberi pengajaran yang baik, berdasarkan pertimbangan buruk baik, mudarat dan manfaat, untuk diri dan masyarakat. Jika dilakukan perdebatan, hendaklah secara baik dan sopan, menggunakan dalil dan alasan masing-masing dengan secara hati terbuka. Maka tidaklah benar tuduhan yang mengatakan Nabi Muhammad s.a.w. menyebarkan Islam dengan pedang di tangan kanan dan al-Quran di tangan kiri, sebaliknya kebenaran adalah dipasak dengan hujah, namun sekiranya Islam dan umatnya terancam, maka ia akan dipertahankan dengan pedang yang terhunus kemerdekaan.⁸⁰

Manakala Hamka memberikan beberapa makna kepada istilah *hikmah* seperti bertindak secara bijaksana, akal budi yang mulia, dada yang lapang dan hati yang bersih, menarik perhatian orang kepada agama atau kepada kepercayaan terhadap Tuhan. Contoh-contoh kebijaksanaan itu selalu pula ditunjukkan Tuhan. Perkataan *hikmah* itu kadang-kadang diertikan oleh sebahagian pihak sebagai falsafah. Padahal *hikmah* konsepnya yang lebih halus dari falsafah. Falsafah hanya boleh difahamkan oleh orang-orang yang telah terlatih fikirannya dan tinggi pendapat logiknya. Tetapi *hikmah* dapat menarik orang yang belum tinggi kecerdasannya dan tidak boleh disanggah oleh orang yang lebih bijak. Manifestasi *hikmah* itu bukan sahaja pada ucapan mulut, melainkan termasuk juga dengan tindakan dan cara hidup. Kadang-kadang lebih berhikmah untuk diam daripada berkata-kata.⁸¹

Dalam tulisannya yang lain Hamka menjelaskan kata hikmah sebagai: "bijaksana dan ia timbul dari budi pekerti yang halus dan bersopan santun."⁸² Dengan erti kata yang lain, metode dakwah baginda s.a.w. baik dalam konteks *bil lisan* (dengan perkataan), *bil hal* (dengan keadaan) dan *bil kitabah*

⁷⁷ Antaranya adalah Michael H. Hart, seorang ahli astrofizik Amerika, pengarang, ahli sejarah amatir, penyelidik meletakkan Nabi Muhammad sebagai individu yang pertama dalam kalangan tokoh paling berpengaruh dalam sejarah dunia menerusi karyanya *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History* pada tahun 1978. Selepas Nabi Muhammad, beliau susuli dengan Isaac Newton (1643–1727), Nabi Isa, Gautama Buddha dan Konfusius. Rujuk Michael H. Hart (1978), *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History*, New York: Hart Publishing Company.

⁷⁸ Q.S. Surah Fuṣṣilat (41:41-42).

⁷⁹ Q.S. al-Nahl (16:125)

⁸⁰ H. Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs. (1959), *Tafsir Quran*, Jakarta: Penerbit Wijaya, h. 392.

⁸¹ Hamka (1982), *Tafsir al-Azhar*, h. 321.

⁸² Haji Abdulmalik Abdulkarim Amrullah Hamka (1984), *Prinsip dan Kebijaksanaan Da'wah Islam*, Jakarta: PT Pustaka Panjimas, h. 56.

(penulisan) kesemuanya berasaskan kepada pendekatan hikmah. Pendekatan dakwah berhikmah Nabi Muhammad s.a.w misalnya dapat dilihat dalam Perjanjian Hudaibiyah. Antara terma perjanjian ini ialah kedua pihak Muslimin dan kaum Quraisy tidak akan saling berperang dalam tempoh 10 tahun. Syarat perjanjian ini tidak dipersetujui oleh ramai sahabat baginda kerana dilihat bersifat berat sebelah dan menampakkan kemenangan bagi musuh, natijah akhirnya Islam dapat tersebar dengan pesat.⁸³

Selain seruan dengan pendekatan hikmah, al-Quran juga menyatakan pendekatan nasihat pengajaran yang baik (*mau'idhah hasanah*) serta perdebatan yang baik (*ahsan mujadalah*). Kedua-duanya memerlukan kebijaksanaan dalam merangka metode berdakwah. Hikmah dalam hal ini berupa 'konsep' yang mendasari ilmu, manakala *mau'idhah* dan *mujadalah* pula adalah tindakan susulan dari konsep hikmah. *Mau'idhah* menonjolkan metode dakwah *bil hal* sementara *mujadalah* menonjolkan metode *dakwah bil lisan*.

Selain itu, metode dakwah Nabi s.a.w. juga dapat dilihat menerusi penerapan elemen pemberitaan gembira (*basyiran*) dan pemberi amaran (*nadhiran*). Pemberian khabar gembira kepada mereka yang menyahut seruannya, manakala pendekatan *indhah* dipraktikkan oleh Nabi s.a.w bagi golongan yang melampaui batas dalam menghina dan mencemuh baginda serta ajaran Islam itu sendiri.⁸⁴ Al-Quran dalam hal ini menyebut: "Dan tiadalah Kami mengutusmu (wahai Muhammad) melainkan untuk umat manusia seluruhnya, sebagai Rasul pembawa berita gembira (kepada orang-orang yang beriman), dan pemberi amaran (kepada orang-orang yang ingkar); akan tetapi kebanyakan manusia tidak mengetahui (hakikat itu)."⁸⁵

Menurut Syeikh Dr. Wahbah az-Zuhaili, dalam *Tafsir al-Munir*, ayat tersebut membawa makna, Allah SWT tidak mengutuskan Nabi s.a.w. melainkan untuk seluruh manusia, meliputi bangsa Arab dan bangsa bukan Arab ('Ajam) sebagai pemberi khabar gembira tentang syurga kepada orang yang mengikuti seruan dakwah baginda.⁸⁶ Selain itu baginda akan memberikan peringatan tentang orang neraka kepada orang yang berbuat maksiat. Namun kebanyakan manusia tidak mengetahui hal itu. Apa yang di sisi Allah adalah kemanfaatan dan apa yang ada dimiliki para rasul adalah kebaikan. Kedua-dua elemen (*basyiran*) dan pemberi amaran (*nadhiran*) terkandung dalam metode dakwah *bil lisan* Nabi Muhammad s.a.w. yang disampaikan kepada kaumnya.

Jika kita telusuri sejarah dakwah Islam pada masa Rasulullah s.a.w, bahawa Nabi mula berdakwah sejak turun wahyu yang kedua.⁸⁷ Kegiatan dakwah pada waktu itu masih dalam bentuk sembunyi-sembunyi atau rahsia. Dakwah dalam keadaan seperti ini berjalan selama tiga tahun. Pada tempoh ini, dakwah yang dilakukan oleh Rasul adalah secara fardiyah, iaitu Nabi berdakwah kepada mereka secara peribadi. Mereka yang pertama sekali menyatakan diri masuk Islam (*assabiq al awwalun*) adalah mereka yang selama ini dekat dengan Rasulullah s.a.w., iaitu dalam kalangan ahli keluarganya, dan amat mengetahui tentang peribadi Rasulullah secara baik. Ketika Nabi mengajak mereka untuk masuk Islam, mereka dengan rela menyatakan diri sebagai Muslim. Kesediaan dan kerelaan mereka di samping kerana tertarik kepada ajaran Islam.

Selain itu, dakwah secara lisan (*bi al-lisan*) dapat dilihat berdasarkan sebuah peristiwa ketika Rasulullah s.a.w. didatangi seramai dua puluh orang lelaki Nasrani daripada Habsyah bertujuan untuk berdialog dengan baginda s.a.w. Setelah selesai berkata apa yang mereka kehendaki, Rasulullah s.a.w. pula berdakwah kepada mereka dengan membacakan ayat-ayat al-Quran. Terkesan daripada apa yang disampaikan oleh Rasulullah s.a.w., kesemua lelaki Nasrani tersebut memeluk Islam.⁸⁸

Manakala dakwah melalui tulisan (*bil kitabah*), ia telah dilaksanakan oleh Rasulullah s.a.w. Perkara ini dapat disoroti dalam beberapa riwayat yang memerihalkan dakwah antara Nabi s.a.w. dengan pelbagai penganut agama, sama ada dalam kalangan golongan musyrikin penyembah patung berhalal, mahupun

⁸³ Abdul Ghafar, Nurul Nazuha dan Razaleigh (2011), "Dakwah kepada Non-Muslim," h. 48.

⁸⁴ Roshimah, Mohd Siroj dan Mohd Tajuddin (2017), "Uslub Dakwah Nabi S.A.W terhadap Wanita Bukan Islam," h. 10.

⁸⁵ Q.S Saba' (34:28).

⁸⁶ Wahbah az-Zuhaili (2003), *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidati wa al-Syariati wa al-Manhaj*, Dimasyq: Dar al-Fikr.

⁸⁷ Q.S. Al-Muddatsir (74:1-5).

⁸⁸ Khalid b. Abdullah Al-Qasim (1994), *Al-Hiwar ma'a ahl-Kitab: Ususuhi wa manahijuhu fi al-Kitab wa al-Sunnah*, Riyadh: Dar al-Muslim, h. 113-114.

dalam kalangan Ahli Kitab yang terdiri daripada Yahudi dan Nasrani menggunakan tulisan rasmi.⁸⁹ Antaranya dalam sebuah sepucuk surat diutuskan Rasulullah s.a.w. kepada Maharaja Rom yang bernama Heraq (Hercules):

Dengan menyebut nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Penyayang. Dari Muhammad utusan Allah untuk Heraq Romawi yang agung. Kesejahteraan ke atas siapa yang mengikuti petunjuk. Selain dari pada itu, sesungguhnya aku mengajak kamu untuk kepada seruan Islam. Masuklah kamu ke agama Islam maka kamu akan selamat dan peluklah agama Islam maka Allah memberikan pahala bagi kamu dua kali dan jika kamu berpaling maka kamu akan menanggung dosa orang-orang Romawi. “Katakanlah: Hai Ahli Kitab, marilah (berpegang) kepada suatu kalimat (ketetapan) yang tidak ada perselisihan antara kami dan kamu, bahawa tidak kita sembah kecuali Allah dan tidak kita persekutukan Dia dengan sesuatu pun dan tidak (pula) sebahagian kita menjadikan sebahagian yang lain sebagai tuhan selain Allah. Jika mereka berpaling maka katakanlah kepada mereka: “Saksikanlah, bahawa kami adalah orang-orang yang berserah diri (kepada Allah).”⁹⁰

Menurut rekod sejarah,⁹¹ di samping surat kepada Heraq, terdapat beberapa pucuk surat Rasulullah s.a.w. lain yang diutuskan kepada Maharaja dan pembesar-pembesar luar yang mengajak mereka kepada Islam iaitu al-Muqawqis (Raja Qibti), Munzir bin Sawi (Raja Bahrain) dan Kisra (Maharaja Parsi). Berdasarkan perbincangan tersebut, Nabi Muhammad s.a.w. pada permulaan kerasulannya berdakwah secara perkataan (*bil lisan*), meskipun pada saat yang sama beliau secara tidak langsung telah melakukan dakwah secara perbuatan (*bi al-hal*) dengan menunjukkan akhlak yang terbaik dan kemudian berdakwah secara penulisan (*bi al-kitabah*). Kesemua metode dakwah Nabi Muhammad s.a.w. menerapkan pelbagai pendekatan *hikmah, mau'idhah hasanah, ahsan mujadalah, basyiran, nadhiran* dalam menyeru seluruh umat manusia kepada kebenaran Islam serta beramal dengannya, selain daripada mengajak kepada perkara kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Kesimpulan

Perbincangan terhadap penyebaran risalah tauhid dan metode dakwah para Rasul Ulul ‘Azmi yang terdiri daripada Nabi Nuh a.s., Nabi Ibrahim a.s., Nabi Musa a.s., Nabi Isa a.s., dan Nabi Muhammad s.a.w., dalam menyebarkan Islam dan menyampaikan risalah ketauhidan Islam merupakan suatu yang menarik untuk ditelusuri, seterusnya dapat dijadikan panduan dalam melaksanakan tugas sebagai pendakwah. Berdasarkan artikel ini, kita dapat mengidentifikasi tiga metode utama yang digunakan oleh para Nabi tersebut, iaitu melalui perkataan (*bil lisan*), tindakan (*bil hal*), dan penulisan (*bil kitabah*). Ironinya setiap Nabi memiliki pendekatan yang unik bergantung pada konteks dan masyarakat yang mereka hadapi. Misalnya, Nabi Nuh a.s. menggunakan metode perkataan menerusi pendekatan dialog dengan umatnya, sementara Nabi Ibrahim a.s. menggunakan pendekatan dialog rasional, di samping tindakan untuk menyampaikan risalah Islam. Nabi Musa a.s. menggabungkan tindakan dan dialog dalam pendekatannya, sementara Nabi Isa a.s. menggunakan perkataan dan tindakan sebagai saranan untuk menyebarkan ajaran Islam. Akhirnya, Nabi Muhammad s.a.w. menerusi pendekatan yang komprehensif, menggabungkan kesemua pendekatan dalam metode dakwah perkataan (*bil lisan*), tindakan (*bil hal*), dan penulisan (*bil kitabah*) untuk menyampaikan pesan ketauhidan Islam. Melalui artikel ini juga, kita dapat melihat bahawa para Nabi menggunakan berbagai strategi dan pendekatan dalam menyampaikan pesan agama kepada umat manusia. Ini menunjukkan para Nabi sentiasa bersedia dan bersifat fleksibel untuk menghadapi sebarang cabaran yang berbeza dalam menyebarkan Islam. Hasil kajian ini memberikan gambaran keseluruhan tentang metode para Nabi dalam penyebaran Islam.

Selain itu, dalam konteks yang lebih luas, artikel ini juga memperkukuhkan kefahaman umat Islam tentang pentingnya berdakwah. Dakwah bukan hanya tugas para Nabi, tetapi juga merupakan tanggung jawab setiap Muslim. Dalam dunia yang terus berkembang, di mana cabaran dan kesalahfahaman terhadap Islam sering muncul dalam pelbagai bentuk, maka pengetahuan tentang metode dakwah yang

⁸⁹ Ahmad Faizuddin Ramli dan Jaffary Awang (2016), “Dialog Antara Agama Menurut Perspektif Islam,” *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, Jil. 3, Bil. 2, h. 29.

⁹⁰ Abi Abdullah Muhammad Ismail al-Bukhari (1979), *Al-Jami' al-Sahih*, Kaheerah: Maktabah al-Salafiyah, kitab *bad' al-Wahyu*, juz 1, hadis no. 7.

⁹¹ Muhammad bin Sayyid al-Nas al-Ya'mur (t.t.), *Uyun al-Athar fi Funun al-Maghazi wal-Syamā'il wa al-Sir*, Dimasyq: Dar Ibn Kathir, juz 2, h. 350-351.

efektif sangat penting. Dengan mempelajari pendekatan yang digunakan oleh para Nabi khususnya dalam kalangan Rasul Ulul 'Azmi, ia dapat menginspirasi dan memandu para pendakwah untuk berdakwah dengan bijaksana dan berkesan. Apa yang penting dalam berdakwah adalah sifat istiqamah dengan nilai-nilai Islam, seperti ilmu yang benar, akhlak yang baik, berhikmah, dan bersifat kasih sayang kepada sasaran dakwah. Dengan pemeraksanaan pengetahuan dan kefahaman terhadap metode penyebaran Islam oleh Rasul Ulul 'Azmi ini, maka setiap Muslim dapat menjadi duta Islam yang baik dan berperan aktif dalam menyebarkan risalah ketauhidan Islam dan kebaikan kepada seluruh dunia.

Rujukan

A. Hasjmy (1974), *Dustur Dakwah Menurut Al-Qur'an*, Jakarta: Bulan Bintang.

Abdul Ghafar Don, Nurul Nazuha Hazizan dan Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2011), "Dakwah kepada Non-Muslim: Sorotan Pendekatan Rasul Ulu al-'Azmi," *Islamiyyat the International Journal of Islamic Studies*, Jil. 33, 45-52.

Abdul Khir, Mohd Faizal (2017), "Mendepani Ekstremisme: Pengajaran daripada Sejarah Kemunculan Khawarij," *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 12, Bil. 2, 115-125.

Abdul Munir Mulkan (1993), *Paradigma Intelektual Muslim*, Yogyakarta: Sippres.

Aemy Elyani Mat Zain, Jaffary Awang, Haslina Ibrahim dan Ahmad Faizuddin Ramli (2023). "Revert Daie: Lived Experiences of Indian Preachers in Malaysia," *International Journal of Islamic Thought*, Jil. 23, 11-18.

Agus Dedi Putrawan (2021), "Menakar Sejarah Pemikiran Dakwah Era Nabi Ulul 'Azmi," *MUDABBIR: Jurnal Manajemen Dakwah*, Jil. 2, Bil. 1, 1-16.

Ahmad F. Ramli, Muhammad R. Sarifin, Norazlan H. Yaacob dan Siti A. M. Zain (2022), "Understanding the Atheism Phenomenon through the Lived Experiences of Muslims: An Overview of Malaysian Atheists," *HTS Theologiese Studies / Theological Studies*, Jil. 78, Bil. 1, 1-8.

Ahmad Faizuddin Ramli dan Jaffary Awang (2016), "Dialog Antara Agama Menurut Perspektif Islam," *International Journal of Islamic and Civilizational Studies*, Jil. 3, Bil. 2, 22-34.

Ahmad Faizuddin Ramli, Jaffary Awang dan Zaizul Ab Rahman (2020), "Buddhism According to Modern Muslim Exegetes," *International Journal of Islam in Asia*, Jil. 1, Bil. 1, 49-66.

Ahmad Faizuddin Ramli, Jaffary Awang dan Zaizul Ab Rahman (2020), "Identifying Islamophobia in Malaysian Buddhist Context," *Al-Itqan: Journal of Islamic Sciences and Comparative Studies*, Jil. 5, Bil. 2, 85-108.

Ali, W. Z. K. W. (1997), "Konsep Nabi dan Rasul dari Perspektif Al-Qur'an," *Jurnal Usuluddin*, Vol. 5, 31-42.

al-Bajuri, al-Syaikh Ibrahim (2010), *Tahqiq al-Maqam 'ala Kifayah al-'Awam fi 'Ilm al-Kalam*, Taklik 'Alwi Abu Bakar Muhammad al-Saqaf, Jakarta: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.

al-Balkhi, Sulaiman bin Basyir al-Azadi bi al-Laula (2002), *Tafsir Muqatil bin Sulaiman*, Beirut: Dar al Kutub al 'Ilmiyah.

al-Bukhari, Abi Abdullah Muhammad Ismail (1979), *Al-Jami' al-Sahih*, Kaherah: Maktabah al-Salafiyah.

al-Faruqi, Ismail Raji (1982), "On the Nature of Islamic Da'wah," dalam A. M. Barwani, Khurshid Ahmad dan David J. Kerr (ed.), *Christian Mission and Islamic Da'wah*, Leicester: The Islamic Foundation.

al-Ghazali, Muhammad (2000), *A Thematic Commentary on the Qur'an*, Herndon: The International Institute of Islamic Thought.

Ali Mahfuz (1952), *Hidayat al-Mursyidin*, Kaherah: Dar al-Kitabah.

al-Jalayn, Jalal al-Din Muhammad bin Ahmad al-Mahalli dan al-Suyuti, Jalal al-Din 'Abd al-Rahman bin Abi Bakr (t.t.), *Tafsir al-Jalayn*, Maktabah wa Matba'ah Dar al-Mu'arif.

al-Juhariyy, Abi Naṣr Isma'il bin Ḥammad (2009), *al-Ṣiḥah Taj al-Lughah wa Ṣiḥah al-'Arabiyyah*, Muhammad Muhammad Tamir et al. (ed.), Kaherah: Dar al-Ḥadith.

al-Makhzumi, Abu al-Hajaj Mujahid bin Jabr (1979), *Tafsir Mujahid*, Tahkik Muhammad 'Abd al-Salam Abu Nayl, Mesir: Dar al-Fikr al-Islami.

al-Marbawi, Muhammad 'Abd Ra'uf (2008), *Qamus Idris al-Marbawi*, 2 juz, Kuala Lumpur: Penerbit Darul Fikir.

al-Qasim, Khalid b. Abdullah (1994), *Al-Ḥiwar ma'a ahl-Kitab: Ususuhu wa manahijuhu fi al-Kitab wa al-Sunnah*, Riyadh: Dar al-Muslim.

al-Sawwaf, Muhammad Mahmud (1985), *Bayna al-Ri'ayah wa al-Du'at*, Beirut: Mu'asasah al-Risalah.

al-Tabari, Abu Ja'afar Ibn Jarir (t.t.), *Jami' Bayan Ta'wil Ai al-Qur'an*, Mekah: Dar al-Tarbiyah wa al-Turath.

al-Tha'labi, Abu Ishaq Ahmad bin Ibrahim (2002), *Al-Kasyf wa al-Bayan 'an Tafsir al-Qur'an*, 10 juz, Tahkik Muhammad bin 'Asyur, Beirut: Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi.

al-Ya'mur, Muhammad bin Sayyid al-Nas (t.t.), *'Uyun al-Athar fi Funun al-Maghazi wal-Syamā'il wa al-Sir*, Dimasyq: Dar Ibn Kathir.

ash-Shiddieqy, Teungku Muhammad Hasbi (2000), *Tafsir Al-Quranul Majid An-Nur*, Semarang: Pustaka Rizki Putra.

ash-Shiddieqy, Teungku Muhammad. Hasbi (1966), *Tafsir Al-Bayan*, Bandung: PT Al-Ma'arif.

Copeland, B. J. (2023), "Artificial Intelligence," *Encyclopedia Britannica*, dicapai 21 Jun 2023, <https://www.britannica.com/technology/artificial-intelligence>.

Dwi Ratnasari (2016), "Sejarah Nabi-Nabi dalam Al-Quran," *KOMUNIKA: Jurnal Dakwah dan Komunikasi*, Jil. 5, Bil. 1, 93-106.

Faisal Mahmoud Adam Ibrahim (2020), "God's Words of Risalah and Nubuwwah in the Quran: A Thematic Study," *ULUL ALBAB: Jurnal Studi Islam*, Jil. 21, Bil. 2, 364-395.

H. Abdullah (2015), *Ilmu Dakwah Kajian Ontologi, Epistemologi, Aksiologi dan Aplikasi Dakwah*, Bandung: Citapustaka Media.

H. Zainuddin Hamidy dan Fachruddin Hs. (1959), *Tafsir Quran*, Jakarta: Penerbit Wijaya.

Haji Abdulmalik Abdulkarim Amrullah Hamka (1982), *Tafsir al-Azhar*, 10 jilid, Singapura: Pustaka Nasional.

Haji Abdulmalik Abdulkarim Amrullah Hamka (1984), *Prinsip dan Kebijaksanaan Da'wah Islam*, Jakarta: PT Pustaka Panjimas.

Hamat, M. F. (2002), "Peranan akidah dalam perancangan pembangunan ummah: satu analisis dalam konteks masyarakat kini," *Jurnal Usuluddin*, Vol 16, 13-34.

- Hart, Michael H. (1978), *The 100: A Ranking of the Most Influential Persons in History*, New York: Hart Publishing Company.
- Husin bin Unang (2010), *Qamus al-Tullab*, Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Imaduddin Abu Fida' Ismail bin Kathir (2013), *Qasasul Anbiya*, Jakarta: Ummul Qura.
- Imam Ibnu Hajar (2014), "Sejarah Agama dalam al-Qur'an; Dari Sederhana Menuju Sempurna," *Tsaqafah*, Jil. 10, Bil. 2, 393-412.
- Ine Ratu Fadliyah (2022), "Tinjauan Al-Qur'an dan Sunah tentang Mukjizat Para Nabi," *Journal Analytica Islamica*, Jil. 11, Bil. 2, 297-309.
- Jaffary Awang, Ahmad Faizuddin Ramli dan Zaizul Ab Rahman (2021), "Muslim Views on other Religions: With Special Reference to Buddhism," *HTS Teologiese Studies / Theological Studies*, Jil. 77, Bil. 4, 1-7.
- Jaffary Awang, Ahmad Faizuddin Ramli dan Zaizul Ab Rahman (2022), "Intercultural Theology in the Multicultural Context of Muslim-Buddhist Relation in Malaysia: History, Identity, and Issues," *Religions*, Jil. 13, Bil. 11, PAGE.
- Jaffary Awang, Ahmad Faizuddin Ramli dan Zaizul Ab Rahman (2022), "Muslim and Buddhist Encounters: Between Conflict and Harmony," *Islamiyyat the International Journal of Islamic Studies*, Jil. 44, Bil. 1, 131-144.
- Jaffary Awang, Ahmad Faizuddin Ramli dan Zaizul Ab Rahman (2022), "Refleksi al-Ghazali dalam Dialog antara Agama," *Islamiyyat the International Journal of Islamic Studies*, Jil. 44 (isu istimewa), 97-107.
- Luthviah Romziana dan Nur Wahyuni Rahmaniayah (2021), "Analisis Kritis M. Quraish Shihab Terhadap Pengulangan Kisah Nabis Musa Dalam Al-Qur'an," *Jurnal Islam Nusantara*, Jil. 5, Bil. 2, 103-115.
- M. Abduh Amrie (2012), "Meneladani Kesabaran dan Ketabahan Rasul Ulul 'Azmi dalam Berdakwah: Studi Kisah-Kisah dalam Al-Qur'an," *Jurnal Ilmu Dakwah*, Jil. 11, Bil. 22, 97-117.
- M. Arifin (1991), *Psikologi Dakwah: Suatu Pengantar Studi*, Jakarta: Bumi Aksara.
- M. Syafa'at Habib (1982), *Pedoman Da'wah*, Jakarta: Penerbit Wijaya.
- Mughniyah, Muhammad Jawad (1983), *Tafsir al-Mubin*, t.tp: Nasyr al-Tauhid.
- Muhammad Saekul Mujahidin (2023), "Al Hawariyyun Dalam Perspektif Tafsir ath-Thabari Karya Abu Ja'far Muhammad bin Jarir ath -Thabari," *Ta'wiluna: Jurnal Ilmu Al-Qur'an, Tafsir dan Pemikiran Islam*, Jil. 4, Bil. 1, 81-103.
- Muhammad Taqiyuddin (2023), "Qur'anic Logic in the Story of Prophets Abraham and Moses," *Al-Karim: International Journal Quranic and Islamic Studies*, Jil. 1, Bil. 1, 13-28.
- Muhd Najib Abdul Kadir, Mabruhi Mohammad Sai dan Latifah Abdul Majid (2013), "Metodologi Dakwah kepada Ibu Bapa Bukan Muslim berdasarkan Kisah Nabi Ibrahim AS," *Islamiyyat the International Journal of Islamic Studies*, Jil. 35, Bil. 2, 57-66.
- Roshimah Shamsuddin, Mohd Siroj Abdul Lathiff dan Mohd Tajuddin Ismail (2017), "Uslub Dakwah Nabi S.A.W terhadap Wanita Bukan Islam," *Journal of Al-Tamaddun*, Jil. 12, No. 1, 1-13.
- Sayyid Muhammad Nuh, (2000), *Da'wah Fardiyah*, Solo: Era Intermedia.

Siddiqui, Ataulah (1997), *Christian - Muslim Dialogue in the Twentieth Century*, London: Macmillan Press LTD.

The Guardian (2022), "ChatGPT," *The Guardian*, dicapai 27 Jun 2023, <https://www.theguardian.com/technology/2022/dec/05/what-is-ai-chatbot-phenomenon-chatgpt-and-could-it-replace-humans>.

Wahbah az-Zuhaili (2003), *al-Tafsir al-Munir fi al-Aqidati wa al-Syariati wa al-Manhaj*, Dimasyq: Dar al-Fikr.